

MUKIM AIR BALOI
Pola-Pola Pemilikan Tanah Dan Implikasi
Socio-Ekonomi

oleh
No. Matrik 35448

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1981/82

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada Profesor Madya Dr. S. Husin Ali kerana telah sudi mengorbankan masa dan tenaga untuk membimbing dan memberi teguran yang membina kepada saya di sepanjang penyelenggaraan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar beliau tidak mungkin kajian ini dapat diselesaikan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian Air Baloi yang telah memberikan kerjasama di sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih juga diucapkan kepada Penghulu Mukim Air Baloi iaitu, Encik Abdul Rahman bin Husin kerana telah membenarkan saya membuat kajian di kawasan beliau.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Ketua Kampung Jelotong iaitu Encik Ismail Ahad dan semua penduduk Kampung Jelotong (terutamanya di Parit Kahar, Parit Saniman dan Parit Limin) kerana telah memberikan kerjasama kepada saya semasa menjalankan kajian.

Akhir sekali ucapan terima kasih ditujukan kepada sahabat saya Pusairi Moslim kerana telah membantu saya menjalankan kajian ini di sepanjang bulan April 1981.

Segala jasa dan budi baik mereka akan dikenang sehingga akhir hayat.

Wassalam.

Penulis.

SINOPSIS

Kajian ini telah dijalankan di Kampung Jelotong, Mukim Air Baloi, Pontian, Johor. Isi kandungan latihan ilmiah ini terbahagi kepada enam bab. Dalam bab I penulis menghuraikan tentang tujuan, bidang serta method kajian dan masalah-masalah yang dihadapi.

Dalam bab II pula penulis menghuraikan tentang kedudukan Mukim Air Baloi dari aspek ilmu alam, penggolongan penduduk mengikut bangsa, organisasi pentadbiran, pekerjaan penduduk dan kemudahan sosial yang terdapat di Air Baloi.

Dalam bab III penulis menghuraikan serta membincangkan persoalan-persoalan mengenai tanah merangkumi sebaran pemilikan tanah, ketiadaan tanah dan cara-cara pengerjaan tanah yang dilakukan oleh penduduk di kawasan ini.

Dalam bab IV pula penulis menekankan tentang implikasi socio-ekonomi I. Perbincangan adalah mengenai hubungan tanah dengan pekerjaan dan pendapatan penduduk. Dari segi pekerjaan penulis telah cuba mengaitkan pekerjaan dari segi umur dan mengkategori anak-anak mengikut pekerjaan ketua keluarga. Dari segi pendapatan pula penulis telah cuba membincangkan pembahagian keseluruhan keluarga mengikut pendapatan, pembahagian ketua keluarga mengikut pemilikan dan pendapatan, pendapatan dari segi tanggungan.

Dalam bab V pula penulis membahaskan tentang implikasi socio-ekonomi II. Perbincangan adalah merangkumi persoalan harta simpanan

(selain dari tanah) dan tingkat/taraf pelajaran penduduk di Air Baloi. Dari segi simpanan harta penduduk, penulis membicarakan tentang pemilikan rumah, basikal, motogikal dan wang simpanan penduduk. Dalam bahagian pelajaran pula penulis membicarakan tentang tingkat pelajaran ketua keluarga dan anak-anak mereka.

Dalam bab VI penulis telah membuat beberapa rumusan dan kesimpulan hasil dari perbincangan yang dibuat dalam bab-bab sebelumnya. Dari perbincangan tersebut penulis dapat simpulkan bahawa kebanyakan mereka memiliki tanah dan tanah adalah merupakan punca pendapatan utama bagi penduduk di Air Baloi. Kebanyakannya pendapatan mereka adalah kurang dari dua ratus ringgit (\$200/=) sebulan. Kurangnya pendapatan mereka adalah disebabkan pokok getah tua yang kurang menghasilkan susu, harga pasaran yang kurang memuaskan, penindasan orang tengah, kekurangan tenaga buruh (misalnya 65% penduduk memiliki tanah lebih dari 4 ekar tetapi tidak mampu untuk mengerjakannya dalam satu masa yang sama) dan infrastruktur sosial yang kurang baik. Pendapatan mereka yang rendah menyebabkan mereka kurang memiliki harta simpanan dan kurang mampu untuk membiayai persekolahan anak-anak ke peringkat yang lebih tinggi.

SENARAI JADUAL

BAB III

- 3:1 Jadual menunjukkan pembahagian pemilikan tanah mengikut keluasan.
- 3:2 Jadual menunjukkan pemilikan mengikut umur.
- 3:3 Jadual menunjukkan cara pemilikan tanah bagi 97 pemilik.
- 3:4 Jadual menunjukkan pembahagian pemilikan tanah mengikut anggota keluarga.
- 3:5 Jadual menunjukkan pembahagian pemilikan tanah di kalangan 100 ketua keluarga mengikut kategorinya.
- 3:6 Jadual menunjukkan keluasan tanah mengikut jenis kegunaan.
- 3:7 Jadual menunjukkan pemilikan tanah mengikut keluasan penggunaan.
- 3:8 Jadual menunjukkan pembahagian tanah mengikut jenis-jenis pengerjaannya.

BAB IV

- 4:1 Jadual menunjukkan pembahagian ketua keluarga mengikut kategori pekerjaan.
- 4:2 Jadual menunjukkan pembahagian pekerjaan mengikut umur.
- 4:3 Jadual menunjukkan pembahagian ketua keluarga mengikut pemilikan dan pekerjaan.
- 4:4 Jadual menunjukkan kategori anak-anak mengikut pekerjaan ketua keluarga.
- 4:5 Jadual menunjukkan pembahagian ketua keluarga mengikut pendapatan.
- 4:6 Jadual menunjukkan pembahagian keseluruhan keluarga mengikut pendapatan.
- 4:7 Jadual menunjukkan pembahagian ketua keluarga mengikut pemilikan dan pendapatan.
- 4:8 Jadual menunjukkan pembahagian ketua keluarga mengikut pendapatan dan pekerjaan.
- 4:9 Jadual menunjukkan kategori pemilik mengikut pendapatan.
- 4:10 Jadual menunjukkan penyebaran pendapatan keluarga dan tanggungan.

BAB V

- 5:1 Jadual menunjukkan sebaran pemilikan harta simpanan oleh 100 buah keluarga.
- 5:2 Jadual menunjukkan pembahagian ketua keluarga mengikut harga/nilai rumah yang dimiliki.
- 5:3 Jadual menunjukkan pembahagian keluarga mengikut jumlah basikal yang dimiliki oleh 95 orang penduduk.
- 5:4 Jadual menunjukkan pemilikan basikal oleh 95 orang mengikut harga/nilainya.
- 5:5 Jadual menunjukkan pembahagian pemilikan motosikal oleh 60 orang mengikut nilai/harganya.
- 5:6 Jadual menunjukkan pembahagian mengikut jumlah simpanan dan jenis simpanan.
- 5:7 Jadual menunjukkan tingkat pelajaran ketua keluarga.
- 5:8 Jadual menunjukkan tingkat pelajaran anak-anak.
- 5:9 Jadual menunjukkan anak-anak yang sedang bersekolah mengikut aliran sekolah yang dihadiri.
- 5:10 Jadual menunjukkan aliran persekolahan yang dihadiri oleh anak-anak yang masih bersekolah mengikut pendapatan ketua keluarga.

KANDUNGAN

| | <u>Muka Surat</u> |
|--|-------------------|
| PENGHARGAAN | i |
| SINOPSIS | ii |
| SENARAI JADUAL | iv |
| | |
| BAB I - Pengenalan Dan Latarbelakang Kajian | |
| i. Tujuan Kajian | 1 |
| ii. Bidang Kajian | 3 |
| iii. Metodologi | 4 |
| iv. Masalah-Masalah Kajian | 6 |
| v. Kepentingan Kajian | 9 |
| | |
| BAB II | |
| i. Mukim Air Baloi Dari Aspek Ilmu Alam | 10 |
| ii. Penggolongan Penduduk Mengikut Bangsa | 13 |
| iii. Organisasi Pentadbiran | 14 |
| iv. Pekerjaan Penduduk | 15 |
| v. Kemudahan Sosial | 16 |
| | |
| BAB III - Tanah | |
| i. Sebaran Pemilikan Tanah | 24 |
| ii. Ketidadaan Tanah | 30 |
| iii. Cara-cara Memiliki Tanah | 32 |
| iv. Kategori Pemilik | 37 |
| v. Cara-Cara Negerjakan Tanah | 46 |

BAB IV - Implikasi Sosio-Ekonomi I

| | |
|---|----|
| I Hubungan antara Tanah Dengan Pekerjaan | 52 |
| i. Pekerjaan dari Segi Umur | 57 |
| ii. Kategori Anak-Anak Mengikut Pekerjaan Ketua Keluarga | 66 |
| II Hubungan Pendapatan Dengan Pemilikan Tanah | 70 |
| i. Pembahagian Keseluruhan Keluarga Mengikut Pendapatan | 71 |
| ii. Pembahagian Ketua Keluarga Mengikut Pemilikan Dan Pendapatan | 74 |
| iii. Pendapatan Dari Segi Kategori Pemilik | 82 |
| iv. Pendapatan dari Segi Tanggungan | 85 |

BAB V - Implikasi Sosio-Ekonomi II

| | |
|--|-----|
| I Harta Simpanan (Selain Dari Tanah) | 39 |
| i. Pemilikan Rumah | 92 |
| ii. Pemilikan basikal | 96 |
| iii. Pemilikan Motosikal | 102 |
| iv. Wang Simpanan | 106 |
| II Pelajaran | |
| i. Tingkat Pelajaran Ketua Keluarga | 111 |
| ii. Tingkat Pelajaran Anak-Anak | 116 |
| iii. Tingkat Persekolahan Anak-Anak yang Masih Berada Di Bangku Sekolah Mengikut Aliran | 120 |

| | |
|---|-----|
| iv. Aliran Persekolahan Anak-Anak Yang Sedang Bersekolah Mengikut Pendapatan keluarga | 123 |
|---|-----|


| | |
|------------------|-----|
| BAB VI - Penutup | 129 |
|------------------|-----|

BIBLIOGRAFI

CONTOH SOALSELIDIK

Universiti Malaya

RAJAH I MENUNJUKKAN KEDUDUKAN MUKIM AIR BALOI



BAB I

PENGENALAN DAN LATARBELAKANG KAJIAN

1 Tujuan Kajian

Tanah merupakan satu persoalan yang tidak dapat dipisahkan dari manusia dan masyarakat. Tanah kadangkala merupakan faktor penentu kepada corak ekonomi dan sosial sesuatu masyarakat. Tanpa tanah manusia tidak dapat mendirikan rumah (termasuk projek perumahan), kilang-kilang, sekolah, kelinik kerajaan, gedong-gedong perniagaan, hospital dan lain-lain kemudahan sosial. Dengan adanya tanah juga kita boleh bercucuk tanam untuk menampung kehidupan seharian khasnya kepada golongan tani. Oleh itu tanah mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan manusia terutamanya persoalan hak milik tanah, aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial.

Kajian mengenai tanah di negara ini bukanlah boleh dianggap suatu perkara yang baharu. Para Ekonomis dan Sosiologis telah banyak mengorbankan tenaga dan usaha mereka untuk mengkaji persoalan dan masalah tanah di negara ini, khususnya di kalangan masyarakat tani. Kebanyakan mereka mengkaji hubungan tanah dengan manusia serta kesan-kesan dan implikasi sosio-ekonomi yang ditimbulkan oleh corak pemilikan tanah tadi. Kajian yang dilakukan oleh penulis juga adalah mengenai persoalan yang bersangkutan dengan tanah dan hubungannya dengan

menusia. Penulis telah memilih sebilangan penduduk yang tinggal di Mukim Air Baloi sebagai tumpuan kajian. "Respondent" atau penduduk yang penulis kaji adalah sebahagian besarnya terdiri dari golongan tani. Penulis memangnya berminat untuk mengetahui cara hidup golongan tani. Oleh itu tidak hairanlah kalau kajian ini dipilih dari golongan petani di mana kehidupan dan masalah mereka perlu diambil perhatian yang serius. Ini adalah disebabkan petani merupakan golongan bawahan yang pendapatannya dianggap rendah.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat dan mendalam mengenai pola-pola pemilikan tanah di kalangan penduduk di Air Baloi. Penyelidikan juga adalah tertumpu kepada beberapa faktor yang menentukan pola atau corak pemilikan tanah tersebut. Melalui kajian ini akan diperolehi gambaran samada pemusatan pemilikan tanah di kalangan penduduk di sini berlaku atau tidak. Melalui kajian ini juga akan dilihat samada ujud atau tidak tuan-tuan tanah dan golongan yang bertanah atau tidak bertanah.

Tujuan seterusnya ialah untuk menunjukkan hubungan manusia dengan tanah di kawasan ini serta meneliti perkaitan soal pemilikan tanah dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan mereka. Penulis juga ingin membuat satu analisa sejauh manakah kehidupan penduduk Air Baloi bergantung kepada tanah.

Di samping tujuan-tujuan di atas kajian ini juga akan memperlihatkan kesan-kesan dan implikasi yang timbul dari pola-pola

pemilikan tanah tersebut. Kesan-kesan ini dilihat dari aspek sosio-ekonomi yang merupakan ciri-ciri penting dalam kehidupan manusia. Dalam soal ini penulis akan memupukan kesan-kesan dan implikasi ke atas pendapatan, simpanan, pekerjaan dan pelajaran di kalangan masyarakat ini.

Akhir sekali penulis ingin meninjau masalah-masalah yang wujud dari segi sosial dan ekonomi yang ditimbulkan oleh sistem pemilikan tanah di kawasan ini.

Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa kajian ini dibuat untuk meninjau dan meneliti aspek-aspek pemilikan tanah dan hubungannya dengan penghidupan masyarakat Air Baloi.

II Bidang Kajian

Kajian yang dijalankan tertumpu kepada corak pemilikan tanah di kawasan ini. Perbincangan adalah melibatkan cara-cara tanah itu dimiliki samada dengan cara beli atau hadiah atau pusaka. Di samping itu pemerhatian juga tertumpu kepada corak penggunaan tanah yang dikendalikan oleh masyarakat di sini.

Selain dari itu kajian ini juga memperlihatkan kesan-kesan dan implikasi sosio-ekonomi yang terbit dari corak pemilikan tanah dalam masyarakat tersebut. Dari segi ekonomi soal utama yang disentuh ialah hubungan pendapatan dengan pola-pola pemilikan

tenah. Jadi jelaslah di sini bahawa kajian ini juga melibatkan aspek pekerjaan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain. Masalah ini penting untuk menjadi tumpuan kajian kerana tanah mempunyai hubungan yang erat dengan aktiviti ekonomi dan corak penghidupan khususnya di masyarakat luarbandar. Di samping itu kajian juga tertumpu kepada soal hubungan atau simpanan tanah di kawasan ini yang juga mempunyai hubungan yang rapat dari segi pola atau corak pemilikan tanah. Kita ingin melihat sejauh manakah pemilik tanah yang luas atau sedikit itu boleh menyimpan atau menambah harta hasil dari aktiviti ekonominya.

Akhir sekali kajian ini juga memumpukan perhatian terhadap aspek pelajaran. Tumpuan diberikan kepada ketua keluarga dan anggota keluarga yang terlibat dalam kajian ini.

III Metodologi

Kajian ini dijalankan oleh pengkaji bersama dengan seorang rakan selama satu bulan dan pengkaji terus tinggal di sana dalam jangka masa yang disebutkan tadi (April 1981). Satu "preliminary survey" telah dijalankan untuk meninjau aspek-aspek penggunaan tanah dalam hubungannya dengan aspek sosio-ekonomi secara kasar.

Semasa kajian ini dijalankan ada tiga "approach" yang diambil oleh penulis untuk mengumpulkan data. Pertamanya data-data asas telah diperolehi dari "questionnaire." Soalan-soalan yang di

fikirkan perlu telah disediakan oleh penulis untuk dijawab oleh "respondent" bagi memenuhi kehendak kajian ini. Penulis telah menyediakan seratus (100) set soalan untuk diajukan kepada "respondent". Dalam hal ini penulis telah memilih 100 keluarga di Mukim Air Baloi. "Respondent" adalah terdiri dari 97 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Tiga orang perempuan ini dipilih kerana suami mereka sudah tiada (meninggal dunia). Setiap keluarga di temuduga berdasarkan satu set soalan yang mengandungi beberapa soalan. Melalui cara ini penulis dapat memperolehi keterangan-keterangan latarbelakang keluarga, pemilikan tanah, pendapatan, pekerjaan, anak-anak, penggunaan tanah serta pengumpulan harta mereka.

Keduanya, penulis telah menggunakan kaedah kajian secara "informal observation" di mana pengkaji menemuduga penduduk kampung secara tidak resmi. Ini dapat dilaksanakan melalui perbualan-perbualan tentang penghidupan mereka dan secara tidak langsung akan menyentuh soal-soal sosio-ekonomi yang dikehendaki dan sesuai untuk dituliskan penulis dalam tesis ini. Perbualan tidak terhad kepada penduduk kampung tetapi melibatkan beberapa Pegawai Pertanian kerana pengkaji ingin meninjau pula pendapat dan pandangan mereka tentang corak kehidupan masyarakat luarbandar di Mukim Air Baloi ini. Ini penting kerana mereka adalah hampir dengan masyarakat sebagai peminbing dan pendorong kepada kehidupan masyarakat ini. Projek pertanian juga sering diadakan di sini dan penduduk kampung sebagai jentera penggerakannya.

Di samping itu temuduga secara tidak resmi ini juga dibuat dengan mereka yang berpengaruh dan bertindak sebagai pemimpin di Mukim ini untuk mengetahui latarbelakang dan corak kehidupan masyarakat ini dengan lebih mendalam lagi.

Sumber yang ketiga ialah dengan memperolehi rekod-rekod yang dimiliki oleh Kompleks Pertanian yang bersangkutan dengan kehidupan masyarakat ini.

"Questionnaire" dan temuduga adalah dihadkan kepada beberapa orang saja kerana penduduknya terlalu ramai dan susah untuk dihubungi di kawasan-kawasan pendalaman. Kawasan kajian juga adalah dihadkan kerana kawasannya terlalu luas. Pengkaji telah memilih kampung yang mempunyai penduduk yang ramai dan senang dihubungi. Dalam hal ini pengkaji telah memilih Kampung Jelotong Mukim Air Baloi sebagai kawasan kajian bagi menggambarakan keseluruhan pola-pola pemilikan tanah dan implikasi sosio-ekonomi Mukim Air Baloi.

IV Masalah-Masalah Kajian

Semasa kajian dijalankan beberapa masalah telah ditemui.

Masalah-masalahnya adalah seperti berikut:-

- i. Pada peringkat awal pengkaji merasa susah untuk mengujudkan rasa persefahaman dan kerjasama antara pengkaji dengan "respondent". Ini berlaku kerana pengkaji adalah orang luar dan

bukan anak Johor. Hal ini membawakan satu keadaan di mana mereka enggan menjawab soalan dengan tepat. Ketidakujutan persefahaman dan kerjasama di antara pengkaji dengan penduduk kampung ini telah menyulitkan pengkaji untuk meninjau aspek-aspek kajian. Walau bagaimanapun pengkaji telah dapat menggunakan "informant" untuk memperkenalkan kami dan menerangkan tujuan-tujuan kami (misalnya selepas sembahyang Jumaat) untuk mengelakkan keraguan dan prajudis "respondent."

- ii. Masalah yang paling rumit dihadapi ialah pengumpulan data. Kerumitan ini/^{timbul} kerana keengganan "respondent" memberikan keterangan yang sebenar mengenai hal-hal pemilikan tanah, pendapatan, hutang piutang, harta-harta yang dimiliki dan lain-lain hal yang mereka anggap sensitif dan tidak patut diberikan kepada pengkaji. Ini adalah disebabkan perasaan syak mereka bahawa pengkaji mungkin pegawai dari Jabatan Hasil Dalam Negeri atau pemeriksa lesen radio. Malah ada yang menyangka pengkaji adalah seorang "pembanci" penduduk.

- iii. Kebanyakan ketua keluarga yang bertindak sebagai "respondent" adalah terlalu tua yang begitu sukar untuk memahami soalan yang ditanya. Kadang-

kadang soal umur atau saiz pemilikan tanahpun tak dapat dikiranya kerana "daya ingatannya" sudah "longgar." Dalam hal ini isteri atau anaknya yang lebih muda dipanggil untuk membantu "respondent" tadi. Ini menyulitkan pengkaji untuk mendapatkan keterangan yang lengkap. Kadang-kadang "respondent" yang terlalu tua ini "main agak-agak" saja tentang apa yang disoal. Contohnya persoalan saiz tanah dan pendapatan.

- iv. Ketidadaan "respondent" di rumah waktu siang hari juga menyulitkan pengkaji membuat kajian. Pengkaji terpaksa membuat "appointment" beberapa kali dengan "respondent". Tetapi ada yang tidak patuh pada janji. Akhirnya pengkaji terpaksa datang ke rumah "respondent" waktu malam. Ini sudah pasti menganggunya untuk berihat dan akan bekerja esoknya. Soalan yang ditanyapun "acuh tak acuh" saja dijawab. Kajian sebelah malam jarang dilakukan kerana beberapa kesulitan. Pertama, jalan raya tidak begitu baik dan banyak parit-parit yang tidak bertiti dan merbahaya berjalan waktu malam. Kedua, kawasan kajian tiada letrik, dengan ini suasana yang gelap gelita menghalang pengkaji untuk keluar malam.

V Kepentingan Kajian

Kajian ini dirasakan amat penting untuk melihat latar-belakang sosio-ekonomi masyarakat luarbandar khasnya di kawasan pendalaman Mukim Air Baloi jika ada usaha-usaha untuk memajukan kawasan ini. Jadi keadaan yang wujud dalam kehidupan masyarakat ini pada masa ini akan digambarkan dalam bab-bab yang berikutnya.

BAB II

1 Mukim Air Baloi Dari Aspek Ilmu Alam


Mukim Air Baloi adalah merupakan satu daripada sepuluh buah mukim yang terdapat di Daerah Pontian, Johor.¹ Nama asal Air Baloi ialah "Tember" tetapi ianya berubah pada tahun 1960an kepada nama baru iaitu Air Baloi. Luas kawasan ini ialah 55 batu persegi iaitu mukim yang kedua besarnya di Daerah Pontian ini. Oleh kerana kawasannya begitu luas pengkaji telah membahaskan sedikit kawasan kajian iaitu memilih Kampung Jelotong sebagai mewakili Mukim Air Baloi. Nama Kampung Jelotong adalah sempena dengan nama pokok "jelotong" yang banyak di situ di awal-awal tahun 1920an. Oleh itu setiap kali penulis memperkatakan tentang Air Baloi sebenarnya adalah dimaksudkan Kampung Jelotong.

Jauhnya Mukim Air Baloi dari bandar Pontian (pusat pentadbiran) ialah lebih kurang sembilan batu dan bandar Pontian ini terletak di bahagian selatan mukim ini. Bandar-bandar lain yang berhampiran dengan mukim ini ialah Batu Pahat di sebelah utara dan Johor Bharu di sebelah tenggara yang masing-masing lebih kurang 40 batu jauhnya.

Mukim Air Baloi ini juga terdiri dari tiga buah kampung yang penting iaitu Kampung Air Baloi, Kampung Jelotong dan Kampung Sanglang. Kampung-kampung ini mempunyai cabang-cabangnya dikenali

sebagai "Parit" dan dihubungi oleh jalan-jalan tambak merah. Kampung Air Baloi mempunyai beberapa cabangnya antara lainya ialah Parit Panjang, Parit Haji Abdul Karim, Parit Alib, Parit Ali dan Parit Setam. Kampung Jelotong pula mempunyai beberapa cabang yang terpenting iaitu Parit Jelotong, Parit Maklumi, Parit Keroma, Parit Kongsi, Parit Haji Kahar, Parit Saniman dan Parit Limin.² Kampung Sanglang juga tidak terasing mempunyai cabang-cabang seperti Parit Gantung, Parit Serong, Parit Puteri Menangis, Parit Satu, Parit Dua dan Parit Haji Mohamad.

Kedudukan kampung-kampung serta parit-parit yang terdapat di Mukim Air Baloi dapat ditunjukkan di dalam rajah di bawah:-



Mukim Air Baloi boleh dikatakan tanahnya rata dan tidak berbukit atau bergunung-ganang. Ditinjau dari jenis tanah (geologi) kawasan ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori:-

- i. Kawasan jenis tanah pinggir dan baran
- ii. Kawasan jenis tanah liat
- iii. Kawasan jenis tanah gambut

Perbezaan tanah ini menimbulkan perbezaan jenis tumbuhan dan tanaman yang ditanam. Oleh itu terdapatlah perbezaan kedudukan dan kegiatan ekonomi di antara penduduk-penduduk di mukim ini.

Tanah pinggir cerunnya landai dan kawasan yang berhampiran dengan laut diselubungi oleh satu kawasan hutan bakau. Tanah pinggir yang jauh dari laut dan hutan bakau telah dibersihkan dan ditanam dengan pokok kelapa. Bagi penduduk yang tinggal di kawasan ini kelapa adalah merupakan hasil pendapatan yang utama. Kawasan baru ini dipanggil kawasan baran.

Di hulu kawasan tanah baran ini ialah kawasan tanah liat di mana terdapat beberapa batang jalan raya di mukim ini. Jenis tanah ini sesuai ditanam dengan pokok buah-buahan seperti durian, manggis, duku, rambutan; pokok-pokok getah dan sedikit kelapa.

Tanah di bahagian hulu mukim ini adalah daripada jenis tanah gambut berwarna hitam yang kurang baik untuk pertanian.

Walaupun tanahnya kurang subur tetapi ternyata penduduknya lebih ramai.³ Mereka mengusahakan tanaman nenas, getah, pisang, kelapa sawit dan sayur-sayuran.

Dalam Mukim Air Baloi ini tidak terdapat sungai-sungai yang besar. Cuma terdapat sebatang Sungai Air Baloi di sebelah selatan yang menjadi sempadan Mukim Air Baloi dan Mukim Api-Api yang dianggap panjang dan besar. Penduduk di kawasan ini mempunyai satu lagi sungai iaitu Sungai Sanglang yang dianggap oleh penduduknya lebih besar dari Sungai Air Baloi mengalir ke utara mukim ini. Kedua-dua sungai ini mencurahkan airnya ke muara Selat Melaka yang terbentang berhampiran dengan sungai-sungai ini. Sungai ini kadangkala merupakan penghubung masyarakat di sini kerana tebingnya dijadikan jalan raya oleh setengah penduduk di sini. Di samping itu ia berfungsi sebagai tempat mandi dan membasuh bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman yang jauh dari mendapat kemudahan seperti air paip. Bagi setengah-setengah nelayan ia juga tidak kurang pentingnya untuk memberi nafkah kepada mereka. Ini terjadi kerana sungai-sungai ini terdapat banyak ikan.

II Penggolongan Penduduk Mengikut Bangsa

Senesa kajian dijalankan di kawasan Air Baloi, penduduknya bolehlah digolongkan kepada tiga bangsa, iaitu:-

- i. Melayu
- ii. Cina
- iii. India
 - a. Bangsa Melayu pula boleh dibahagikan kepada tiga iaitu Melayu,⁴ Jawa⁵ dan Bugis.⁶ Kebanyakan orang Melayu adalah tinggal di pinggir jalan raya yang menghubungkan bandar Pontian dengan Batu Pahat. Orang Jawa pula tinggal di kawasan pedalaman yang jauh sedikit dari jalan raya tadi. Kawasan yang jauh sedikit dari jalan raya dan hampir dengan laut diluni oleh orang Bugis.
 - b. Orang Cina tinggal di dalam pekan Air Baloi dan bertindak sebagai peniaga. Tetapi ada juga yang tinggal di kawasan pedalaman yang juga bertindak sebagai peniaga dan pengusaha tanah serta menjalankan kegiatan ekonomi secara kampung.⁷
 - c. Orang India yang tinggal di Air Baloi menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.⁸

III Organisasi Pentadbiran

Mukim Air Baloi ditadbirkan di bawah seorang Penghulu yang bertanggungjawab kepada Pegawai Daerah Pontian dan Kerajaan Negeri Johor. Misalnya Kerajaan Negeri Johor ingin menjalankan suatu

projek pembangunan di kawasan Air Baloi. Projek ini biasanya diserahkan oleh Kerajaan Negeri Johor kepada Pegawai Daerah Pontian. Oleh kerana Penghulu tinggal di Mukim Air Baloi dan dapat mengawasi projek itu dengan baik, maka Pegawai Daerah Pontian menyerahkan tanggungjawab ini kepada Penghulu berkenaan. Di bawah Penghulu terdapat beberapa orang Ahli Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung yang dipimpin oleh seorang Ketua Kampung (sebagai pengerusi). Ketua Kampung di sini dikenali sebagai "Pak Naib" atau Naib sahaja. Di samping itu terdapat juga pemimpin kecil seperti pimpinan parti UMNO, pimpinan Pemuda UMNO dan pimpinan Orang Tua (yang mengendalikan soal-soal adat-istiadat dan ugama).

IV Pekerjaan Penduduk

Penduduk Air Baloi pada amnya terbahagi kepada dua kategori pekerjaan. Sebahagiannya bekerja di dalam sektor pertanian dan sebahagian lagi bekerja di luar sektor pertanian. Mereka yang bekerja di dalam sektor pertanian ini terlibat dengan bercucuk tanam dan mengendalikan tanaman getah, kelapa sawit, kelapa, nenas dan sayur-sayuran. Bagi orang Bugis pula mereka menjalankan kegiatan menangkap ikan kerana hampir dengan laut selain dari menjalankan kegiatan tanaman (contohnya menanam pokok kelapa secara meluas).

Di samping bekerja sendiri dalam lapangan pertanian, ada

juga melibatkan bidang perniagaan. Perniagaan di sini adalah dijalankan oleh orang Cina (50%) sebahagian besarnya dan segelintir orang Melayu (25%) dan India (25%). Mereka ini tergolong ke dalam kategori luar pertanian. Selain dari itu penduduk Air Baloi juga terlibat dengan kerja "makan gaji". Mereka ini adalah merupakan pegawai-pegawai kerajaan dan juga bukan kerajaan (swasta). Pegawai-pegawai kerajaan di sini dimaksudkan kepada golongan guru, kerani, buruh dan sebagainya yang mengutamakan kelayakan akademik dan pengalaman serta kemahiran sebagai tiket untuk memperolehi kerja-kerja tersebut.

Dalam bab ini penulis tidak akan membincangkan aspek ini dengan panjang lebar kerana perbincangan ini akan dimuatkan ke dalam bab-bab seterusnya nanti.

V Kemudahan Sosial

Beberapa kemudahan sosial terdapat di kalangan masyarakat Air Baloi. Kemudahan-kemudahan tersebut adalah seperti berikut:-

1. Kompleks Penghulu

Kompleks Penghulu ialah satu kawasan di mana beberapa buah jabatan digabungkan atau diletakkan pentadbirannya di satu kawasan di bawah pentadbiran seorang Penghulu. Penghulu bertindak sebagai

seorang yang mengawasi jabatan ini supaya memberikan khidmatnya dengan sempurna kepada penduduk kampung. Jika penduduk di sini menghadapi masalah pertanian Penghulu bolehlah berunding dengan jabatan-jabatan ini untuk memberi pertolongan atau bantuan. Jabatan yang terlibat di sini ialah Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan Pejabat Penghulu. Kompleks Penghulu terletak di Parit Kahar dalam Kampung Jelotong. Di sekitar kawasan ini disediakan kawasan tanah lapang untuk dijadikan tempat untuk melatih penduduk kampung menjalankan projek pertanian kaedah moden. Beberapa orang penduduk di pilih untuk mengikuti latihan tersebut. Luas kawasan ini ialah sepuluh ekar. Peserta-peserta akan diberi tapak untuk bercucuk tanam seluas 0.5 ekar. Mereka akan menanam jenis tanaman yang ditentukan oleh Pegawai Pertanian. Tujuan latihan ini ialah memberi pengetahuan dan galakan kepada peserta supaya mengsaalkannya di tanah mereka. Segala bantuan pertanian untuk penduduk adalah melalui Kompleks Penghulu.

Jadi tujuan penting ditubuhkan Kompleks Penghulu ini adalah untuk mendampingi penduduk dengan pentadbiran Jabatan-Jabatan Pertanian, Haiwan dan

Penghulu. Dengan cara ini akan dapat membangunkan masyarakat di sini dari segi ekonomi.

ii. Kompleks Pertanian

Sebuah Kompleks Pertanian juga wujud di Mukim Air Baloi. Di sini terdapat berbagai jabatan yang bertugas untuk memberi nasihat yang berkaitan dengan soal-soal pembangunan ekonomi pertanian. Misalnya di sini terdapat Jabatan-Jabatan Nenas, Tanam Semula Kelapa, RISDA, Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Kelapa Sawit. Setiap Jabatan di tugaskan beberapa orang pegawai untuk mengendalikan khidmat nasihat kepada penduduk mukim ini dalam soal-soal tanaman yang berkaitan dengan jabatannya. Misalnya seorang pegawai RISDA akan menerangkan bagaimana untuk menambahkan hasil susu getah kepada penduduk yang menoreh getah. Biasanya pegawai-pegawai dari beberapa jabatan ini akan dihantar bertugas di Kompleks Penghulu. Segala kesulitan atau sebarang laporan akan dihantar oleh pegawai yang bertugas ke Kompleks Pertanian. Dengan kata lain, pegawai-pegawai yang dihantar bertugas di Kompleks Penghulu dianggap sebagai pelaksana tugas dan pegawai-pegawai di Kompleks Pertanian sebagai perancang dan pelaksana tugas.

iii. Jalan raya

Kebanyakannya jalan-jalan di sini masih lagi jalan tanah merah terutamanya menuju ke kawasan pendalaman. Jalan raya "tar" hanya terdapat di pekan kecil Mukim Air Baloi yang juga menghubungkan mukim ini dengan tempat-tempat lain. Jalan tanah merah ini hanya sesuai untuk kenderaan seperti "motor-cycle" dan basikal. Segala hasil-hasil yang diperolehi oleh penduduk biasanya dibawa mengikut jalan ini dengan menaiki basikal atau "motor-cycle."

iv. Parit atau Sungai

Kebanyakan parit dan sungai digunakan oleh penduduk untuk mandi dan membasuh. Mereka jarang sekali menjadikan air ini sebagai air minum atau air untuk memasak. Biasanya mereka akan menggali sebuah "perigi" yang khas untuk digunakan sebagai air minum atau air untuk memasak. Bagi mereka yang jauh dari parit-parit atau sungai sering juga menggunakan perigi (telaga). Di kawasan pinggir jalan raya ada disediakan bekalan air paip tetapi di kawasan pendalaman tidak ada bekalan air paip dan elektrik.

v. Sekolah

Di Mukim Air Baloi terdapat sebuah sekolah menengah dan setiap kampung mempunyai sebuah sekolah rendah. Kebanyakan penduduk-penduduk di sini adalah anak-anak dari mukim ini. Di Sekolah Menengah Air Baloi diajar penduduk-penduduk dari tingkatan satu hingga ke tingkatan lima. Tidak terdapat tingkatan 4 dan 5 dari aliran sains. Penduduk yang telah lulus SRP dan layak memasuki aliran sains akan dihantar ke sekolah-sekolah menengah di bandar Pontian.

Bangunan sekolah rendah mempunyai dua fungsi. Pertama, ianya sebagai tempat untuk belajar akademik seperti Bahasa Malaysia, Ilmu Hisab, Sains, dan sebagainya. Kedua, ianya dijadikan tempat belajar agama. Maksudnya, disebelah petang sekolah ini digunakan untuk anak-anak belajar tentang soal-soal agama. Guru-guru dari Jabatan Agama Negeri Johor akan ditugaskan mengajar di situ. Sekolah rendah ini mengajar pelajar-pelajar dari darjah satu hingga darjah enam.

vi. Rumah Beribadat

Sebagaimana yang diterangkan di awal tadi Mukim

Air Baloi adalah luas. Jadi sudah pasti untuk mengumpulkan semua penduduk ke satu kawasan saja adalah sukar. Jadi, Kerajaan Negeri Johor telah mendirikan sebuah masjid bagi tiap-tiap kampung. Surau-surau juga terdapat di "parit-parit" yang terdekat di kampung-kampung mempunyai lebih dari sebuah surau. Misalnya di Kampung Jelotong sahaja mempunyai dua buah surau iaitu di Parit Kahar dan Parit Maklumi.

vii. Fusat Kesihatan

Terdapat sebuah kelinik kesihatan di Mukim Air Baloi ini. Kelinik ini ditubuhkan untuk memberikan khidmat kesihatan kepada penduduk Air Baloi. Biasanya sebarang penyakit yang dihadapi oleh penduduk di Air Baloi akan disembuhkan melalui ubat-ubat yang ada di kelinik kesihatan ini. Jika penyakit itu gagal disembuhkan, mereka akan dihantar ke Hospital Daerah Pontian. Di setiap buah kampung di Air Baloi juga ada didirikan sebuah kelinik bidan yang diberi tanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan ibu yang mengandung dan ibu yang bersalin. Misalnya di Kampung Jelotong ini terdapat sebuah kelinik bidan yang ditubuhkan dalam tahun 1978.

Seorang "bidan kerajaan" yang berumur 25 tahun di tempatkan di situ dan menetap "di rumah bidan kerajaan" yang juga ditubuhkan oleh kerajaan berhampiran dengan kelinik bidan tersebut.

Pada keseluruhannya kemudahan sosial di Mukim Air Baloi masih lagi tidak seimbang. Ada setengah kawasan mempunyai kemudahan sosial yang memuaskan dan ada setengah bahagian tidak mempunyai kemudahan langsung. Misalnya di kawasan 1 - 4 batu dari "jalan besar" tidak ada bekalan air paip dan letrik.

Notakaki

- 1 Sepuluh buah mukim-mukim itu ialah: Benut, Sungai Pinggan, Air Baloi, Api-Api, Pontian Kecil, Rimba Terjun, Air Masin, Serkat, Teluk Kerang dan Jeram Batu.
- 2 Kampung Jelotong adalah kawasan yang dipilih oleh penulis untuk kajian. Ianya melibatkan Parit Haji Kahar, Parit Saniman dan Parit Limin.
- 3 Sebahagian besar penduduknya adalah orang Jawa. Hampir semua penduduknya bercakap bahasa Jawa yang merupakan bahasa harian.
- 4 Orang Melayu dianggap orang yang sememangnya tinggal menetap di Air Baloi sejak turun-temurun lagi.
- 5 Orang Jawa adalah keturunan yang berasal dari Kepulauan Jawa.
dari
- 6 Orang Bugis adalah keturunan yang berasal dari Pulau Sulawesi dan Borneo.
- 7 Menjalankan aktiviti tansman dan mengambil upah.
- 8 Membuka kedai kopi dan kedai menjual buku-buku majalah dan akhbar-akhbar.

TANAH

1. Sebaran Pemilikan Tanah

Bagi masyarakat luarbandar tanah adalah merupakan faktor yang penting dalam kehidupan mereka seharian. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana tanah adalah merupakan punca pendapatan bagi masyarakat luarbandar. Tanah juga bukan sekadar memberi peluang pekerjaan tetapi juga menjadi ukuran kaya ataupun miskin sesuatu masyarakat luarbandar itu.⁹ Biasanya orang yang banyak memiliki tanah akan mendapat hasil pendapatan yang tinggi dan mereka yang kurang mempunyai tanah mengalami keadaan sebaliknya. Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa corak pemilikan tanah adalah penentu kepada taraf hidup bagi masyarakat luarbandar.

Kemiskinan tanah juga dapat menimbulkan kemiskinan hidup ke atas masyarakat yang semata-mata bergantung hidup dengan ekonomi pertanian.¹⁰ Tanpa tanah bererti tiadalah satu dari punca mata pencarian traditional penduduk luarbandar yang berdasarkan pertanian. Oleh itu tidak hairanlah kalau kita katakan penduduk luarbandar adalah orang yang memiliki tanah bukan semata-mata untuk tapak rumah tetapi juga untuk menentukan "hidup - mati" atau "jatuh - bangun" mereka dalam kehidupan seharian.

Dalam masyarakat Kampung Jelotong Mukim Air Baloi tanah

juga merupakan punca pendapatan yang penting. Setiap keluarga yang mempunyai tanah mengusahakan tanah tersebut untuk kehidupan seharian atau menambahkan hasil pendapatan.¹¹ Pembahagian pemilikan tanah mengikut keluasan di Kampung Jelotong Mukim Air Baloi dapat ditunjukkan dalam Jadual di bawah.

3.1 Pembahagian Pemilikan Tanah Mengikut Keluasan

| Luas (Ekar) | Bilangan Pemilik | Peratus (%) | Luas (Ekar) | Peratus (%) |
|----------------|------------------|-------------|-------------|-------------|
| 0 | 3 | 3 | 0 | 0 |
| 0.1- 1 | 5 | 5 | 2.75 | 0.37 |
| 1.1- 2 | 4 | 4 | 12.00 | 1.64 |
| 2.1- 4 | 23 | 23 | 76.25 | 10.40 |
| 4.1- 7 | 26 | 26 | 163.75 | 22.34 |
| 7.1-10 | 19 | 19 | 150.75 | 20.57 |
| 10.1-15 | 14 | 14 | 186.25 | 25.41 |
| 15.1-20 | 3 | 3 | 34.00 | 4.64 |
| 20.1-25 | 1 | 1 | 25.00 | 3.41 |
| 25.1 dan lebih | 2 | 2 | 82.25 | 11.22 |
| | 100 | 100 | 733.00 | 100.00 |

Dari jadual di atas kita dapati bahawa tiga orang dari ketua keluarga tidak mempunyai tanah. Ini menunjukkan bahawa pemilik tanah adalah seramai 97 orang (atau 97%). Dilihat dari

segi pemilik yang paling banyak mempunyai tanah, kita dapati dua orang saja memiliki seluas 82.25 ekar, atau 11.22% dari jumlah keseluruhan keluasan tanah (733 ekar). Terdapat sembilan orang (9%) yang memiliki tanah kurang dari 2 ekar. Manakala pemilik tanah antara 2.1 - 7 ekar ialah 49 orang yang memiliki seluas 240 ekar (atau 32.74%). Pemilik tanah antara 10.1 - 15 seramai 14 orang, yang memiliki seluas 186.25 ekar (atau 25.41%). Di samping itu tanah antara 15.1 hingga 20 ekar dimiliki oleh tiga orang sahaja. Pemilik tanah antara 20.1 - 25 ekar hanya seorang sahaja.

Dalam hal ini kita dapati tidak seimbangnyanya pemilikan tanah di Mukim Air Baloi ini. Berpandukan jadual di atas beberapa rumusan dapat dibuat; iaitu:-

- i. Tidak ramai yang tidak memiliki tanah. Orang yang tidak bertanah tinggal di sini dengan cara menumpang atau menyewa tanah orang lain atau mengambil upah dengan pemilik tanah.
- ii. Kebanyakan mereka memiliki tanah yang dianggap mencukupi (lebih dari 4 ekar) untuk kehidupan mereka secara amnya.
- iii. Berlaku pemusatan pemilikan tanah. Terdapat beberapa orang yang memiliki tanah yang melebihi dari keperluan secara umum. Misalnya terdapat 6 orang (6%)

yang memiliki tanah lima belas ekar ke atas.

Ini menunjukkan adanya segolongan kecil pemilik yang menguasai banyak tanah.

Pemilikan Mengikut Umur

Pembahagian pemilikan tanah yang tidak seimbang juga boleh dilihat dari pembahagian mengikut umur.

3:2 Pembahagian Pemilikan Tanah Mengikut Umur

| Umur \ Luas Ekar | 0 | 0.1-1 | 1.1-2 | 2.1-4 | 4.1-7 | 7.1-10 | 10.1-15 | 15.1-20 | 20.1-25 | 25.1-ke atas | Jumlah |
|------------------|----------|----------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|----------|----------|--------------|------------|
| Bawah 20 | 0 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 0 |
| 21 - 25 | - | 1 | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 |
| 26 - 30 | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | - | 1 |
| 31 - 35 | 1 | - | 1 | 4 | 4 | - | - | 1 | 1 | - | 12 |
| 36 - 40 | - | 1 | - | 6 | 4 | 4 | - | - | - | - | 15 |
| 41 - 45 | 2 | 1 | 2 | 2 | 4 | 5 | 3 | - | - | - | 19 |
| 46 - 50 | - | 1 | 1 | - | 2 | 1 | 3 | - | - | - | 8 |
| 51 - 60 | - | - | - | 5 | 9 | 4 | 5 | 1 | - | - | 24 |
| 61 - 70 | - | 1 | - | 3 | 3 | 4 | 3 | 1 | - | 2 | 17 |
| Lebih 70 | - | - | - | 1 | 2 | - | - | - | - | - | 3 |
| JUMLAH | 3 | 5 | 4 | 22 | 28 | 18 | 14 | 3 | 1 | 2 | 100 |

Berpandukan jadual 3;2 dapat dilihat beberapa perkara penting, seperti:-

- i. Pemilikan tanah adalah tertumpu kepada orang-orang tua. Jadual menunjukkan bahawa dari kategori umur 21 - 25 terdapat hanya seorang sahaja pemilik, sementara dalam kategori umur 31 - 35 hanya sembilan orang pemilik. Bilangan pemilik ini meninggi pada peringkat 36 - 40 tahun, di mana terdapat 15 orang pemilik. Dari kategori umur 51 - 60 tahun terdapat 25 pemilik, dan ini merupakan bilangan paling ramai. Walau bagaimanapun hanya tiga orang pemilik yang berumur 70 tahun ke atas. Bilangan pemiliknya kecil kerana bilangan orang tua yang mencapai usia 70 tahun ke atas telah berkurangan dan setengah orang tua telah membahagikan tanah-tanah mereka kepada anak/cucu mereka.
- ii. Golongan muda tidak mempunyai banyak tanah dari segi pemilik ataupun luas tanah yang dimiliki. Misalnya dari kategori umur 21 - 25 tahun hanya seorang memiliki tanah 0.1 - 1 ekar. Dari kategori umur 26 - 30 tahun hanya seorang sahaja yang memiliki tanah lebih dari 2 ekar. Dari kategori umur 31 - 35 tahun terdapat 4 orang yang memiliki tanah 2.1 - 4 ekar manakala kategori umur 36 - 40 tahun terdapat enam orang yang

memiliki tanah seluas 2.1 - 4 ekar. Di samping itu terdapat pula lapan orang yang memiliki tanah lebih dari 4 ekar dari kategori umur yang serupa. Dari kategori umur 41 - 45 tahun pula terdapat dua belas orang yang memiliki tanah lebih dari 4 ekar. Dari kategori umur 51 - 60 tahun ada 19 orang memiliki tanah lebih dari 4 ekar. Pemilikan tanah di kalangan golongan muda biasanya adalah hasil dari pemecahan tanah yang berlaku akibat kematian jenerasi tua. Golongan muda (yang memiliki saiz tanah yang semakin sempit) sudah pasti akan mendapat hasil yang rendah dari pengerjaan tanah yang tidak produktif. Ini juga menyebabkan golongan muda terpaksa bergantung kepada sumber lain (seperti mengambil upah) untuk menampung kehidupan mereka. Sebaliknya pula terdapat permintaan buruh (dari golongan muda) di kalangan pemilik yang sudah lanjut usia. Misalnya dari kategori umur 61 - 70 tahun tiga orang memiliki tanah lebih dari 10 ekar, seorang memiliki lebih 15 ekar dan dua orang memiliki tanah seluas lebih dari 25 ekar. Dari kategori umur 70 tahun ke atas seramai dua pemilik mempunyai tanah seluas 4.1 - 7 ekar. Oleh sebab saiz tanah yang luas ini orang-orang tua tidak mampu mengerjakan tanah mereka dengan baik untuk mengeluarkan hasil yang lebih. Dengan itu

tenaga muda yang diupah atau meminta pertolongan dari anak buah mereka sahaja yang dapat mengusahakan tanah mereka yang luas itu. Kalau tidak mungkin tanah itu akan terbiar.¹² Misalnya terdapat 4 ekar tanah yang tidak dikerjakan kerana pemiliknya sudah tua dan tidak mampu mengerjakannya. Lagi pun di kawasan ini penggunaan jentera untuk menguruskan soal-soal pertanian amat kurang sekali. Ini adalah disebabkan di kalangan mereka kurang mempunyai orang yang mahir untuk mengendalikan soal-soal jentera moden dan kurang mampu (kurang modal) untuk membelinya. Oleh itu mereka lebih suka bekerja menggunakan alat tradisional seperti tajak, parang, cangkul dan sebagainya. Lagi pun mereka menganggap mereka ini sudah biasa bekerja dengan menggunakan "tulang empat kerat."

II Ketiadaan Tanah

Sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat luarbandar terdapat golongan yang tidak mempunyai tanah langsung untuk dikerjakan atau di miliki sebagai harta untuk disimpan atau untuk diwarisi. Di Mukim Air Baloi terdapat 3 orang (3%) dari 100 orang yang tidak memiliki sebarang tanah. Ketiga-tiga mereka ini menumpang tanah orang lain. Seorang menumpang tanah datuknya dan dua orang lagi menumpang tanah bapa mereka. Biasanya mereka ini tidak membayar apa-apa sewa

kerana menumpang tanah tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa kehidupan berdasarkan hubungan darah amat ketara sekali.¹³

Ada beberapa sebab mengapa mereka tiada mempunyai tanah. Antara lainnya ialah:-

- i. Keluarga-keluarga itu datangnya dari golongan orang yang benar-benar miskin
- ii. Mereka masih lagi menumpang pada ibubapa dan datuk mereka masing-masing. Tanah masih lagi milik keluarga dan belum lagi dipecah-pecahkan kepada mereka. Misalnya seorang yang tidak mempunyai tanah di kalangan masyarakat tersebut baru saja berkahwin dan merupakan keluarga baru. Jadi, sudah pasti ia tidak memerlukan tanah yang luas dikerjakan. Lagi pun dia bekerja sebagai buruh di Singapura dan dia menumpang tanah datuknya untuk tapak rumah sahaja.
- iii. Mereka tidak mampu membeli tanah dan tiada lagi tanah untuk mereka teroka. Jenerasi yang lebih awal dari mereka telah lebih dahulu menerokai tanah-tanah kosong yang belum dimiliki oleh sesiapa secara "bergeran."¹⁴ Hal ini akan diuraikan dalam penghuraian berikutnya mengenai tanah.

III Cara-cara Memiliki Tanah

Di Mukim Air Baloi terdapat tiga cara mendapatkan tanah iaitu melalui proses pusaka, beli dan teroka.

1. Tanah Pusaka

Tanah pusaka adalah tanah yang telah di perturunkan dari satu jenerasi kepada jenerasi yang lain melalui sistem perwarisan. Tanah itu dibahagikan mengikut hukum Islam dan hukum adat. Hukum Islam dipanggil hukum faraid dan harta (tanah) dibahagikan mengikutnya. Misalnya orang lelaki berhak menerima $\frac{2}{3}$ dari keseluruhan harta dan perempuan hanya berhak menerima $\frac{1}{3}$ dari keseluruhan harta sebenar.¹⁵ Hukum adat pula ialah pembahagian harta berdasarkan tolak ansur antara anggota-anggota yang mewarisi harta tersebut. Misalnya jika seseorang lelaki itu berhak menerima $\frac{2}{3}$ dari harta keseluruhan tetapi beliau mengambil kurang dari kadar tersebut atau tidak mengambilnya langsung. Harta tersebut diserahkan kepada orang yang sepatutnya menerima sedikit sahaja bahagiannya dan tidak ada mempunyai tanah atau terlalu sedikit mempunyai tanah. Orang yang berhak menerima lebih dari pembahagian harta itu pula sudah banyak memiliki

harta (tanah). Ada tiga kes yang berlaku di sini yang mengikut hukum adat dan yang lainnya (27 orang) mengikut hukum faraid.

ii. Tanah Beli

Tanah beli ialah tanah yang dimiliki kerana seseorang itu mempunyai wang yang cukup atau berlebihan untuk membeli tanah. Tanah itu dibeli mungkin untuk dikerjakan sebagai asas mata pencarian. Di samping itu tanah itu dibeli untuk menambahkan harta simpanan atau menambahkan lagi peluang untuk mendapatkan hasil yang lebih banyak lagi.

iii. Tanah Teroka

Tanah teroka ialah tanah yang diperolehi hasil dari penerokaan tanah-tanah kosong yang belum lagi dimiliki oleh sesiapa. Biasanya tanah ini diperolehi oleh seseorang dengan menebas dan menebang hutan-hutan belantara. Setelah tanah hutan ini dibersihkan, ia akan diusahakan seperti menanam ubi kayu, keladi, pisang dan lain-lain. Selepas itu barulah peneroka tersebut memohon "garan" daripada pihak berkuasa untuk menjadi pemilik yang sah. Biasanya hutan belukar itu diterokai secara berkelompok. Setelah

siap dibersihkan semuanya barulah dibahagikan sama banyak luasnya. Kemudian masing-masing memohon untuk diiktirafkan miliknya dari kerajaan berdasarkan keluasan tanah yang telah bahagikan tadi. Biasanya permohonan mereka seringkali berjaya atas dua alasan yang munasabah. Pertama, mereka telah meneroka hutan tersebut dan kedua mereka benar-benar telah mengusahakan tanah tersebut. Biasanya mereka dikenakan \$50 - \$100 seekar untuk bayaran cukai dan pengurusan "geran" tanah.

Luas tanah mengikut rmai pemilik serta cara-cara memperolehinya dapat ditunjukkan dalam jadual berikut:-

3:3 Cara Pemilikan Tanah Bagi 97 Pemilik

| Cara Pemilikan Tanah | Bil. (orang) | % | Luas (Ekar) | % |
|-----------------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
| Beli | 13 | 13.4 | 77.4 | 10.56 |
| Pusaka | 30 | 30.93 | 154.15 | 21.03 |
| Teroka | 23 | 23.71 | 137.35 | 18.74 |
| Beli + Pusaka | 9 | 9.28 | 94.65 | 12.91 |
| Beli + Teroka | 11 | 11.34 | 155.9 | 21.27 |
| Pusaka + Teroka | 7 | 7.22 | 54.65 | 7.46 |
| Beli, Pusaka + Teroka | 4 | 4.12 | 58.9 | 8.03 |
| JUMLAH | 97 | 100.00 | 733.00 | 100.00 |

Nota: Tanah yang dimiliki semua oleh 97 "respondent".

Dari jədual 3;3 kita dapati pemilik tanah dengan cara beli ialah 13 orang (13,4%) seluas 77,4 ekar (10,56%), pusaka ialah 30 orang (30,93%) seluas 154,15 ekar (21,03%) dan teroka ialah 23 orang (23,71%) seluas 137,35 ekar (18,74%). Jadi, tiga kategori ini jelas menunjukkan bahawa tanah yang dimiliki secara pusaka lebih tinggi dari segi jumlah pemilik dan luas pemilikan tanahnya. Kategori pemilikan tanah dengan cara beli pula adalah paling rendah. Namun begitu kategori pemilikan dengan cara beli dan teroka adalah paling tinggi pemilikannya iaitu 11 orang pemilik (11,34%) yang memiliki seluas 155,9 ekar (21,27%). Manakala kategori pemilikan dengan cara beli, pusaka dan teroka adalah paling rendah jumlah pemilik iaitu 4 orang pemilik tetapi memiliki 58,9 ekar tanah (8,03%) yang melebihi dari keluasan kategori pemilikan tanah dengan cara pusaka dan teroka (54,65 ekar).

Dari keterangan di atas kita dapati bahawa:-

- i. Pemilikan tanah dengan cara pusaka adalah paling ramai pemiliknya. Ini menunjukkan telah banyak berlakunya pemecahan pemilikan tanah.
- ii. Sungguhpun penduduk di sini tidak menerima sebarang harta pusaka (tanah) dari ibubapa atau datuk-nenek mereka tetapi mereka masih lagi ada peluang untuk mendapatkan tanah iaitu dengan cara membeli dan meneroka tanah kerajaan.

Di dalam sesebuah keluarga di Mukim Air Baloi terdapat beberapa kategori pemilik mengikut anggota keluarga. Di sini penulis membagikannya kepada tiga kategori. Kategori pertama ialah tanah yang dimiliki oleh suami. Keduanya ialah tanah yang dimiliki oleh isteri dan ketiganya ialah tanah yang dimiliki oleh anak-anak mereka. Gambaran pemilikan berdasarkan kategori ini bolehlah di tunjukkan dalam rajah di bawah ini.

3.4 Pembahagian Pemilikan Tanah Mengikut Anggota Keluarga

| Kategori | Bilangan | Peratus | Luas (Ekar) | Peratus |
|---------------|------------|---------------|---------------|---------------|
| Suami | 92 | 78.63 | 650.98 | 88.81 |
| Isteri | 18 | 15.39 | 58.64 | 8 |
| Anak | 7 | 5.98 | 23.38 | 3.19 |
| JUMLAH | 117 | 100.00 | 733.00 | 100.00 |

Beberapa kesimpulan dapat dibuat berdasarkan kepada jadual di atas:-

- i. Suamilah yang paling banyak sekali memiliki tanah
- ii. Anak-anak di kalangan penduduk Mukim Air Baloi mempunyai tanah yang paling sedikit. Ada beberapa kemungkinan mereka mempunyai saiz tanah yang paling kecil:

- a. Mereka belum layak menerima puseka
- b. Mereka adalah golongan miskin dan masih bergantung lagi dengan keluarga
- iii. "Pemilik sebenar" di Mukim Air Baloi ialah 117 orang (terdiri dari suami, isteri dan anak).

IV Kategori Pemilik

Pembahagian pemilikan tanah juga boleh dibuat berdasarkan pemilikan tanah dan orang yang mengerjakan tanah tersebut.¹⁶ Ia boleh dibahagikan kepada lima kategori, iaitu:-

- i. Pemilik
- ii. Pemilik dan pemilik pengerja
- iii. Pemilik pengerja
- iv. Pemilik pengerja dan pengerja
- v. Pengerja

1. Pemilik

Pemilik ialah orang yang hanya memiliki tanah tetapi ia tidak mengerjakan sendiri tanah itu. Tanah itu dikerjakan oleh orang lain.

ii. Pemilik dan Pemilik Pengerja

Pemilik dan pemilik pengerja adalah orang yang memiliki tanah tetapi sebahagian saja yang dikerjakannya sendiri. Manakala sebahagian lagi dikerjakan oleh orang lain.

iii. Pemilik Pengerja

Pemilik pengerja ialah orang yang memiliki tanah dan dia sendirilah yang mengusahakan semua tanahnya.

iv. Pemilikan Pengerja dan Pengerja

Pemilik pengerja dan pengerja ialah orang yang memiliki tanah dan mengusahakannya sendiri. Di samping itu ia juga menyewa tanah orang lain untuk dikerjakan.

v. Pengerja

Pengerja ialah orang yang tidak memiliki tanah tetapi mengerjakan tanah orang lain.

Gambaran pemilikan tanah Mukim Air Baloi berdasarkan kategori-kategori di atas dapat ditunjukkan dalam jadual berikut:-

3:5 Pembahagian Pemilikan Tanah Di Kalangan 100
Ketua Keluarga Mengikut Kategorinya

| Kategori | Bil. | % | Luas (Ekar) | % |
|-------------------------------|------|-----|-------------|--------|
| Pemilik | 3 | 3 | 55.5 | 7.57 |
| Pemilik dan Pemilik Pengerja | 39 | 39 | 176 | 24.01 |
| Pemilik Pengerja | 53 | 53 | 437.5 | 59.69 |
| Pemilik Pengerja dan Pengerja | 2 | 2 | 39.75 | 5.42 |
| Pengerja | 3 | 3 | 24.25 | 3.31 |
| JUMLAH | 100 | 100 | 733.00 | 100.00 |

Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa kategori pemilik hanya tiga orang sahaja dan kategori pengerja juga adalah tiga orang. Pemilik pengerja dan pengerja hanya dua orang sahaja. Namun begitu pemilik dan pemilik pengerja adalah lebih tinggi iaitu 39 orang yang memiliki tanah seluas 176 ekar (24.01%). Walau bagaimanapun pemilik pengerja adalah kategori yang paling ramai iaitu 53 orang yang memiliki tanah seluas 437.5 ekar (59.69%).

Dari keterangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa:-

1. Ramai pemilik tanah yang mengusahakan tanahnya sendiri dan tiada ramai yang menyewa tanah dari orang lain
- ii. Tiada ramai pemilik yang duduk goyang kaki sahaja. ¹⁷

Kedua ini berlaku mungkin pemilik sudah lanjut usia dan mungkin tidak mampu untuk mengusahakannya.

iii. Orang yang tidak mempunyai tanah boleh bergantung hidup dengan orang yang memiliki tanah.

iv. Penduduk di sini rajin berusaha untuk mendapatkan hasil dari tanah mereka. Mereka tidak terlalu mengharapkan orang lain untuk mengerjakan tanah mereka.

Selain dari menggunakan tanah untuk membuat tapak rumah mereka juga menggunakannya untuk aktiviti pertanian. Secara umumnya penduduk di Mukim Air Baloi menanam kelapa sawit, getah dan nenas. Tanaman tersebut adalah menjadi asas pendapatan mereka. Keluasan tanah mengikut jenis kegunaannya dapat ditunjukkan di dalam gambarajah di bawah:-

3:6 Keluasan Tanah Mengikut Jenis Kegunaan

| Jenis Tanah | Luas (Ekar) | Peratus |
|-----------------|---------------|---------------|
| Kelapa Sawit | 17.5 | 2.39 |
| Getah | 541.75 | 73.91 |
| Nenas | 47.75 | 6.51 |
| Getah dan Nenas | 81.5 | 11.12 |
| Tapak Rumah | 40.5 | 5.52 |
| Tanah Kosong | 4.0 | 0.55 |
| JUMLAH | 733.00 | 100.00 |

Dari rajah di atas dapat dilihat penduduk di sini lebih cenderung menanam getah. Dari rajah ini tanah yang ditanam dengan getah ialah seluas 541.75 ekar atau 73.91 peratus. Kemudian diikuti oleh tanaman getah dan nenas seluas 81.5 ekar atau 11.12 peratus. Kelihatan juga tanah yang ditanam hanya dengan nenas adalah seluas 47.75 ekar atau 6.51 peratus. Selain dari itu 40.5 ekar digunakan untuk tapak rumah dan 4 ekar dibiarkan kosong. Tanah ini dibiarkan kosong kerana seorang pemiliknya sudah tua dan tidak mampu mengerjakannya. Seorang anak pemilik berada di Singapura kerana bekerja sebagai buruh di sana.

Dari keterangan di atas dapatlah dikatakan bahawa hasil pendapatan utama bagi penduduk di sini (yang tergolong ke dalam sektor pertanian) ialah getah dan nenas. Kelapa sawit amat kurang sekali ditanam di sini. Ada beberapa sebab kenapa keadaan ini berlaku. Antara lainnya ialah:-

i. Kawasan ini mula-mula ditanam dengan getah. Oleh itu ia telah menjadi suatu tradisi kepada penduduk di sini untuk menanam getah di kawasan mereka tanpa mengira tanahnya sesuai untuk ditanam getah atau pun tidak.

ii. Jenis tanah di sini adalah tanah gambut. Setelah Jabatan Pertanian (Kompleks Pertanian) Mukim Air Balai menjalankan kajian nenas pula ditanam di sini

kerana kawasan tersebut didapati sesuai untuk
tanaman nenas.

iii. Hasil getah dan nenas kadangkala merosot bagi
setengah kawasan. Penduduk di sini cuba pula
menukarkannya dengan kelapa sawit setelah mendapat
khidmat-nasihat dari pegawai-pegawai di Kompleks
Pertanian. Namun begitu tidak ramai yang berbuat
demikian kerana tiada hasil lain yang mereka perolehi
jika pokok getah dan nenas mereka ditebang semula.
Jangka masa untuk mendapatkan hasil kelapa sawit
adalah "agak lama" juga.

iv. Di kawasan yang terdapat pokok getah biasanya juga
ditanam dengan pokok nenas. Terutamanya sewaktu pokok
getah baru ditanam. Di celah-celah pokok getah tersebut
(yang baru ditanam) ditanami dengan pokok nenas. Hasil
nenas boleh diperolehi dalam masa lapan belas bulan dan
waktu ini pokok getah belum boleh ditoreh. Oleh itu
penduduk di sini lebih suka menanam pokok getah serentak
dengan pokok nenas.

Dalam masyarakat Mukim Air Baloi terdapat beberapa orang yang
berminat menanam sesuatu jenis tanaman samada getah atau nenas dengan
saiz tanah yang besar (lebih dari 4 ekar). Ada kalanya mereka lebih
berminat untuk menanam getah lebih luas dan ada kalanya menanam nenas lebih

luas. Keadaan ini dapat dilihat dari gambarajah berikut:-

Dari jadual 3:7 kita dapati bahawa ramai dari penduduk di sini cenderung menanam getah dan nenas dengan saiz tanah yang besar. Dengan lain perkataan mereka lebih luas menggunakan tanah untuk tanaman getah dan nenas. Keluasan tanah antara 1.1 - 2 ekar seramai 8 orang menanam getah, tiga orang menanam kelapa sawit dan 4 orang menanam nenas. Keluasan tanah 2.1 - 4 ekar 15 orang menanam getah, 2 orang menanam kelapa sawit dan 5 orang menanam nenas. Keluasan tanah antara 4.1 - 7 ekar 20 orang menanam getah dan 2 orang menanam nenas. Keluasan tanah 7.1 - 10 ekar 11 orang menanam getah dan seorang menanam kelapa sawit. Di antara tiga jenis tanaman ini (getah, nenas dan kelapa sawit) kita dapati ramai yang menanam getah dan saiz yang luas. Terdapat 31 orang menanam getah lebih dari 4 ekar. Ini termasuklah seorang menanam getah seluas 10.1 - 15 ekar, seorang menanam getah seluas 15.1 - 20 ekar dan seorang menanam getah seluas lebih 25 ekar.

Campuran tanaman getah dan nenas juga adalah diminati oleh penduduk di sini di mana 10 orang menanam getah dan nenas seluas 1.1 - 2 ekar, 5 orang menanam getah dan nenas seluas 2.1 - 4 ekar, 2 orang menanam getah dan nenas seluas 4.1 - 7 ekar dan 2 orang menanam getah dan nenas seluas 10.1 - 15 ekar.

Dalam jadual di bawah keluasan tanah untuk tapak rumah terpaksa dimasukkan dalam kiraan tanaman kelapa sawit, getah dan

337 Penilaian Tanah Mengikut Keluasan Penggunaan

| Jenis Tanaman | Luas (Ekar) | | | | | | | | | | | | | | | Jumlah ke atas | Jumlah Bilik | % | Jumlah Ekar | % |
|------------------------------|-------------|-----------|-----------|-----------|-----------|----------|----------|----------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|----------------|---------------|---------------|-------------|---|
| | 0.1 | 1.1 | 2.1 | 4.1 | 7.1 | 10.1 | 15.1 | 20.1 | 25.1 | 30.1 | 35.1 | 40.1 | 45.1 | 50.1 | 55.1 | | | | | |
| Kelapa Sawit dan Tapak Rumah | - | 3 | 2 | - | 1 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 6 | 6 | 27.62 | 3.77 | | |
| Getah dan Tapak Rumah | 1 | 8 | 15 | 20 | 11 | 1 | 1 | - | 1 | 58 | 58 | 58 | 58 | 58 | 58 | 58 | 551.88 | 75.29 | | |
| Nenas dan Tapak Rumah | 1 | 4 | 5 | 2 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 12 | 12 | 57.87 | 7.89 | | |
| Tanah Kosong | - | - | 1 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 | 1 | 4 | 0.55 | | |
| Getah, Nenas dan Tapak Rumah | 1 | 10 | 5 | 2 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 20 | 20 | 91.63 | 12.5 | | |
| Jumlah | 3 | 25 | 28 | 24 | 12 | 3 | 1 | - | 1 | 97 | 97 | 97 | 97 | 97 | 97 | 97 | 733.00 | 100.00 | | |

nenas kerana pemilik tanah yang menanam getah, nenas dan kelapa sawit. Jadi, kalau kiraan tanah tapak rumah diasingkan maka sudah tentu kelihatan lebih 97 orang pemilik tanah.

Berdasarkan keluasan tanah mengikut jenis kegunaan didapati dua bentuk pertanian iaitu berbentuk mini estet dan kebun kecil. Istilah ini sering digunakan oleh RISDA.¹⁸

Mini estet ialah sebuah kawasan di mana satu jenis tanaman yang ditanam lebih dari 10 ekar. Dalam hal ini terdapat 14 orang yang terlibat dalam corak mini estet ini iaitu menanam getah.

Kebun kecil ialah sebuah kawasan di mana satu jenis atau lebih dari satu jenis tanaman yang ditanam seluas kurang dari 10 ekar. Dalam hal ini, tanaman yang terlibat ialah kelapa sawit dan nenas dan getah dan nenas.

Dari jadual di atas kita dapati tidak ramai yang mengusahakan tanah secara mini estet. Beberapa kemungkinan adalah ujud.

Pertama, mereka yang menanam getah seluas lebih dari 10 ekar tidak menganggap yang mereka itu menjalankan tanaman secara mini estet. Ia ujud dalam gambaran penulis sahaja.

Kedua, tanah mereka yang luas tidak terletak pada satu kawasan. Kadang-kadang antara satu tanah ke satu tanah begitu jauh jaraknya.

Ketiga, sistem pusaka akan memecahkan tanah yang bercorak mini estet ini andainya corak ini ujud dalam masyarakat tersebut.

V Cara-Cara Pengerjaan Tanah

Di Mukim Air Baloi ada beberapa cara pengerjaan tanah. Antaranya ialah dengan cara:-

- i. Upah
- ii. Sewa
- iii. Pawah
- iv. Kerjakam sendiri

i. Upah

Upah dibayar oleh pemilik tanah kepada seorang pekerja/buruh kerana khidmat mengerjakan tanahnya. Kadar bayaran ditentukan berdasarkan jangka masa bekerja atau secara kontrak untuk menyudahkan sesuatu kerja. Di Mukim Air Baloi seorang pekerja biasanya dibayar lima hingga tujuh ringgit sehari. Bayaran kontrak mengerjakan tanah bergantung kepada perundingan antara pengerja dan tuan tanah.

ii. Sewa

Sistem sewa melibatkan seorang tuan tanah yang tidak ingin mengerjakan tanahnya sendiri berastuju memberikan tanahnya itu untuk dikerjakan oleh orang lain, dan orang-orang yang menyewa

itu pula setuju membayar wang sewaan kepada tuan tanah sebanyak yang dijanjikan dan untuk suatu masa yang ditetapkan. Tuan tanah pula tidak akan mendapat sebarang hasil daripada tanah itu. Di Mukim Air Balai bayaran sewa biasanya \$400/- hingga \$500/- seakar tanah untuk setahun.

iii. Pawah

Pawah ialah satu sistem di mana tuan tanah memberikan tenahnya untuk dikerjakan oleh orang lain dan hasil daripada tanah itu dibahagi dua, sebahagian untuk pengerja dan sebahagian lagi untuk tuan tanah. Sistem ini juga dikenali sebagai sistem "bahagi dua". Pengertian bahagi dua dimaksudkan semua hasil yang diperolehi dibahagi dua. Dalam masyarakat Air Balai sistem ini terhad kepada tanah yang ditanam dengan getah dan nenas. Biasanya semua hasil itu dijual dan jumlah wang yang diperolehi itu akan dibahagi dua.

iv. Kerjakan Sendiri

Kerjakan sendiri maksudnya tuan tanah akan mengerjakan sendiri tanah tersebut tanpa menyuruh orang lain kecuali anggota keluarganya sendiri. Tuan tanah mungkin akan dibantu oleh isteri, anak atau saudara mara atau jiran tanpa mengenakan apa-apa bayaran kepada mereka. Sistem

ini ujud kerana kemungkinan saiz tanahnya kecil dan dia mampu mengerjakannya atau dia mempunyai cukup tenaga yang terdiri dari anggota keluarganya untuk mengerjakan tanahnya.

Sistem-sistem pengerjaan yang disebutkan tadi sememangnya ujud di dalam masyarakat Mukim Air Balai. Kedudukan sistem-sistem ini boleh dilihat dalam rajah berikut:-

3:8 Pembahagian Tanah Mengikut
Jenis-Jenis Pengerjaannya

| Cara Pengerjaan | Bilangan | Peratus | Luas (Ekar) | Peratus |
|----------------------|----------|---------|-------------|---------|
| Upah | 3 | 3.00 | 9.75 | 1.33 |
| Sewa | 2 | 2.06 | 8.5 | 1.16 |
| Pawah | 7 | 7.22 | 118.0 | 16.10 |
| Kerjakan Sendiri | 84 | 86.6 | 592.75 | 80.87 |
| Terbiar [†] | 1 | 1.03 | 4.0 | 0.54 |
| JUMLAH | 97 | 100.00 | 733.00 | 100.00 |

Nota:

[†]Terbiar bermaksud tanah itu tidak dikerjakan oleh sesiapa dan tidak mendatangkan hasil.

Dari jadual di atas jelas bahawa tanah yang dikerjakan sendiri lebih ramai bilangannya dan lebih luas saiznya. Terdapat 84 orang (86.6%) mengerjakan sendiri tanahnya. Sistem-sistem upah, pawah dan sewa amat kurang digunakan di dalam masyarakat ini.

Terdapat 7 orang (7.22%) yang memawahkan tanah mereka.

Kesemua mereka ini mempunyai tanah seluas lebih dari sepuluh ekar.

Mereka memawahkan tanah mereka kerana mereka tidak mampu (kurang tenaga kerja) untuk mengerjakannya. Misalnya seorang peniaga yang memiliki tanah seluas 16 ekar telah memawahkan sebahagian (10 ekar) kepada sepupunya kerana dia tidak mampu untuk mengerjakan kesemua tanahnya.

Ini adalah disebabkan beliau sibuk dengan urusan perniagaan. Terdapat seorang sahaja yang tidak mengusahakan tanahnya (sila rujuk perbincangan sebelumnya). Keadaan ini berlaku kerana beberapa sebab. Antara lain nya:-

- i. Ramai yang mengerjakan tanah sendiri kerana sememangnya bergantung hidup kepada hasil tanah mereka sendiri. Mereka mungkin tiada tempat lain untuk bekerja.
- ii. Masih ramai lagi yang sanggup mengerjakan tanah mereka. Maksudnya, mereka masih mampu lagi mengerjakan tanah mereka.
- iii. Sistem upah, sewa dan pawah terjadi mungkin kerana tuan tanah mempunyai saiz tanah yang luas dan kekurangan tenaga dan masa untuk mengerjakan tanah mereka. Dari aspek lain mungkin tuan tanah "terlalu uzur" atau tidak berupaya lagi mengerjakan tanah tersebut.

Jarak tanah dari tempat kediaman tuan tanah mungkin jauh dan menjadi suatu kesukaran bagi tuan tanah untuk berulang alik mengerjakan tanahnya. Tambahan pula kalau "pemergiannya" memerlukan kos yang tinggi atau tanahnya terletak di kawasan pendalaman yang sukar untuk perhubungan jalan. Satu lagi sebab mungkin tuan tanah tinggal di luar kawasan itu.

Universiti Malaysia

Notakaki

- 9 Banyak tanah dianggap kaya dan kurang memiliki tanah dianggap miskin.
- 10 S. Husin Ali "Land Concentration and Poverty Among The Rural Malays," dalam Nusantara, K.L. 1972.
- 11 Pendapatan utama bagi mereka yang bergantung penuh dengan corak pertanian dan pendapatan tambahan bagi mereka yang mempunyai pekerjaan lain senada dengan kerajaan atau swasta.
- 12 Tidak dikerjakan langsung.
- 13 Mereka lebih pentingkan kebajikan ke atas ahli keluarga dari soal memiliki atau menabungkan harta dari kaum kerabat sendiri.
- 14 Maksudnya tuan itu telah sah penilikinya.
- 15 Lihat buku Osman Zahak, Hubungan Antara Undang-undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, DBP, K.L. 1979, m.s. 96.
- 16 Berdasarkan kategori yang digunakan oleh S. Husin Ali dalam bukunya Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., K.L. 1977, m.s. 126
- 17 Tidak mengusahakan langsung tanah mereka sendiri. Pengendalian dan pengusahaan tanah hanya bergantung kepada orang lain.
- 18 Sumber diperolehi dari Pegawai RISDA di Kompleks Pertanian Air Baloi melalui interview.

BAB IV

IMPLIKASI SOSIO-EKONOMI I

1 Hubungan Antara Tanah Dengan Pekerjaan

Tanah merupakan sumber pekerjaan yang penting bagi masyarakat Melayu luarbandar. Peluang pekerjaan amatlah menonjol bagi mereka yang memiliki tanah. Hal ini dapat dibuktikan dengan jelas berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan.

Di Mukim Air Baloi, pekerjaan penduduknya boleh dibahagi kepada dua kategori, iaitu, dalam pertanian dan luar pertanian. Kategori bagi mereka yang terlibat dalam pertanian adalah seperti berikut:-

i. Penoreh getah

Penoreh getah ialah mereka yang menoreh getah mereka sendiri atau pun mengambil upah menoreh daripada orang lain (tuan tanah).

ii. Pekebun Kelapa Sawit

Pekebun kelapa sawit ialah mereka yang menjalankan kegiatan menanam dan memungut hasil kelapa sawit sebagai sumber pendapatan.

iii. Pekabun Nenas

Pekabun nenas ialah mereka yang menjalankan kegiatan menanai dan memungut hasil nenas sebagai sumber pendapatan.

iv. Pekerja Kampung

Pekerja kampung ialah mereka yang tergolong dalam banyak pekerjaan, tanpa apa-apa pekerjaan yang utama yang dapat penulis jadikan kriteria untuk membuat pembahagian. Kebanyakan mereka bekerja dalam aktiviti pertanian. Hasil pendapatan mereka termasuklah menoreh getah, mengambil upah memetik bush nenas, menjadi buruh dan memetik buah kelapa sawit.

Kategori bagi mereka yang menjalankan kegiatan ekonomi di luar pertanian adalah seperti berikut:-

i. Berniaga

Berniaga adalah satu dari cabang aktiviti luar pertanian. Pendapatan utama peniaga adalah bergantung kepada perniagaan barang-barang runcit. Di tempat kajian ini terdapat dua orang peniaga.

ii. Buruh

Buruh ialah mereka yang terlibat dalam pekerjaan mengambil upah menggali parit, menggali telaga, menebang pokok getah, membersihkan kebun getah dan nenas di kampung-kampung. Menjadi "buruh binaan" di Singapura atau di bandar-bandar lain atau bekerja di kilang-kilang juga termasuk ke dalam golongan buruh.

iii. Tukang Masak

Tukang masak ialah mereka yang bekerja memasak makanan untuk orang lain. Di Mukim Air Baloi ini terdapat seorang lelaki berumur 42 tahun menjadi tukang masak askar di Pontian.

iv. Pemandu

Pemandu ialah mereka yang tergolong dalam kegiatan memandu kenderaan yang dibayar gaji oleh orang lain atau sesebuah syarikat. Terdapat seorang lelaki yang bekerja sebagai pemandu bas di sini.

v. Tukang Rumah

Tukang rumah ialah mereka yang mengambil upah berdiri dan menyiapkan rumah orang lain atau kerja-

kerja membesarkan rumah atau memperbaiki rumah sebagai suatu punca pendapatan.

vi. Jaga

Jaga ialah mereka yang terlibat dalam menjaga dan mengawasi harta benda orang lain dengan di bayar gaji tetap. Di sini terdapat seorang jaga sekolah yang bertanggungjawab menjaga dan mengawal harta benda sekolah.

vii. Bidan

Bidan ialah mereka yang terlibat dalam urusan bersalin ibu-ibu di kampung yang dibayar perkhidmatannya oleh sesiapa yang memerlukannya.

viii. Tidak Bekerja

Tidak bekerja ialah mereka yang tidak melibatkan apa-apa pekerjaan sebagai sumber pendapatan. Biasanya mereka ini ditanggung oleh ahli keluarganya yang lain. Misalnya daripada anak-anak atau cucu-cucu mereka. Di sini terdapat dua orang tidak bekerja.

Aktiviti pekerjaan di Mukim Air Balok dapat ditunjukkan dalam jadual yang berikut:-

4:1 Pembahagian Ketua Keluarga Mengikut
Kategori Pekerjaan

| Pekerjaan | Bilangan | Peratus |
|------------------------|------------|------------|
| Dalam Pertanian | | |
| Penoreh Getah | 72 | 72 |
| Pekebun Kelapa Sawit | 1 | 1 |
| Pekebun Nenas | 2 | 2 |
| Pekerja Kampung | 9 | 9 |
| Luar Pertanian | | |
| Berniaga | 2 | 2 |
| Buruh | 7 | 7 |
| Tukang Masak | 1 | 1 |
| Pemandu | 1 | 1 |
| Tukang Rumah | 1 | 1 |
| Jaga | 1 | 1 |
| Bidan | 1 | 1 |
| Tidak Bekerja | 2 | 2 |
| Jumlah | 100 | 100 |

Dari jadual di atas kita dapati bahawa 72 orang (72%)
bekerja sebagai penoreh getah. Seorang (1%) sebagai pekebun
kelapa sawit, dua orang sebagai pekebun nenas dan sembilan orang

(9%) sebagai pekerja kampung. Ini dapat menunjukkan bahawa 84 orang (84%) terlibat dengan aktiviti dalam pertanian.

Dari jadual juga kita dapati bahawa 2 orang (2%) bekerja sebagai peniaga, 7 orang (7%) sebagai buruh, seorang (1%) sebagai tukang masak, seorang (1%) sebagai pemandu, seorang (1%) tukang rumah, seorang jaga (1%) dan dua orang bidan (2%). Ini dapat menunjukkan bahawa 14 orang (14%) terlibat dengan aktiviti luar pertanian. Manakala yang tidak bekerja ialah 2 orang (2%).

Dari keterangan di atas dapat diperhatikan bahawa penduduk di Nukim Air Baloi lebih ramai terlibat dengan aktiviti dalam pertanian (84%). Ada beberapa sebab yang membolehkan keadaan ini terjadi. Pertama, mereka mempunyai tanah untuk dikerjakan. Kedua, mereka telah mewarisi pekerjaan tradisional datuk-nenek mereka. Ketiga, mereka tidak mempunyai kelayakan yang baik (kelayakan akademik) untuk meneroka ke lapangan aktiviti yang lain.

i. Pekerjaan Dari Segi Umur

Kadang-kadang umur juga menjadi faktor penentu kepada corak pekerjaan. Misalnya jika seseorang itu telah mencapai umur lima puluh tahun ke atas, ia tidak mampu lagi melakukan pekerjaan yang berat atau pekerjaan yang memerlukan tenaga yang banyak. Keadaan sebaliknya pula berlaku kepada golongan yang berada di bawah umur lima puluh tahun.

Kedudukan pekerjaan penduduk Air Baloi dapat ditunjukkan di dalam jadual berikut:-

4:2 Pembahagian Pekerjaan Mengikut Umur

| Umur Pekerjaan | Bawah 20 | 21- 25 | 26- 30 | 31- 35 | 36- 40 | 41- 45 | 46- 50 | 51- 60 | 61- 70 | 71 dan lebih |
|-------------------------|-------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------------|
| Sektor Pertanian | | | | | | | | | | |
| Penoreh Getah | | 1 | 1 | 10 | 11 | 12 | 3 | 20 | 14 | |
| Pekebun Kelapa Sawit | | | | | | | | 1 | | |
| Pekebun Nenas | | | | | | | 1 | 1 | | |
| Pekerja Kempung | | | | 1 | 1 | 4 | 1 | | 1 | 1 |
| Luar Pertanian | | | | | | | | | | |
| Berniaga | | | 1 | 1 | | | | | | |
| Buruh | | | | | | 1 | 3 | 2 | 1 | |
| Tukang Masak | | | | | | 1 | | | | |
| Pemandu | | | | | | 1 | | | | |
| Tukang Rumah | | | | | 1 | | | | | |
| Jaga | | | | | 1 | | | | | |
| Bidan | | | | | | | | | 1 | |
| Tidak Bekerja | | | | | | | | | | 2 |
| JUMLAH | 0 | 2 | 1 | 12 | 15 | 19 | 8 | 24 | 17 | 3 |

Dalam Pertanian

Dari jadual 4:2 dapat diperhatikan bahawa seorang (1%) penoreh getah berumur antara 21 - 25 tahun, seorang (1%) penoreh getah berumur 26 - 30 tahun, sepuluh orang (10%) penoreh getah berumur 36 - 40 dan meninggi sehingga 12 orang (12%) penoreh getah berumur 41 - 45 tahun, tiga orang (3%) penoreh getah berumur 46 - 50 tahun, 20 orang (20%) penoreh getah berumur 51 - 60 dan empat belas orang (14%) penoreh getah berumur 61 - 70 tahun. Terdapat seorang (1%) pekabun kelapa sawit berumur 51 - 60 tahun (umurnya yang sebenar ialah 53 tahun), dua orang (2%) pekabun nenas di mana seorang berumur 46 - 50 tahun (umur sebenar 48 tahun) dan seorang lagi berumur 51 - 60 (umur sebenar 54 tahun), empat orang (4%) pekerja kampung berumur 41 - 45 tahun, seorang (1%) pekerja kampung berumur 46 - 50 tahun, seorang pekerja kampung berumur 61 - 70 dan seorang (1%) pekerja kampung berumur 71 tahun ke atas.

Beberapa rumusan dapat dibuat bagi mereka yang menjalankan aktiviti dalam pertanian:-

- i. Terdapat golongan tua sahaja yang memupukan aktiviti dalam pertanian. Terutamanya sebagai penoreh getah.
- ii. Tidak ramai golongan muda yang memupukan aktiviti dalam pertanian. Misalnya terdapat 12 orang golongan muda sebagai penoreh iaitu seorang

berumur 21 - 25 tahun, seorang penoreh berumur
26 - 30 tahun dan sepuluh orang (10%) berumur
31 - 35 tahun.

Luar Pertanian

Dari jadual 4:2 juga dapat diperhatikan bahawa mereka yang terlibat dengan aktiviti luar pertanian adalah sedikit atau pun tidak ramai iaitu cuma 14%. Beberapa keadaan dapat dilihat:-

- i. Golongan tua lebih ramai menjadi buruh iaitu 6 orang (6%) yang berumur lebih dari 46 tahun
- ii. Golongan muda lebih ramai dalam bidang perniagaan (2 orang), tukang masak (seorang), pemandu (seorang), tukang rumah (seorang) dan juga (seorang).
- iii. Ada segolongan tua yang tidak bekerja iaitu dua orang. Seorang berumur 75 tahun dan seorang berumur 79 tahun. Mereka kedua-duanya dibantu oleh anak dan cucu-cucu mereka. Selain dari itu terdapat seorang bidan sambilan yang juga tidak mampu untuk membuat kerja-kerja yang berat.

Dari perbincangan tadi jelas menunjukkan bahawa golongan (umur 41 tahun ke atas) lebih ramai menjalankan aktiviti dalam pertanian dan menumpukan kepada penorehan getah. Golongan muda pula lebih

cenderung ke dalam bidang luas pertanian. Ada beberapa sebab keadaan ini boleh berlaku. Antara lainnyas:-

i. Perkembangan Pelajaran Moden

Perkembangan pelajaran di kalangan anak-anak muda di Mukim Air Baloi adalah merupakan satu faktor kenapa pengerjaan tanah kurang mendapat perhatian. Mereka yang mempunyai kelulusan akademik yang tinggi keluar dari kampung untuk makan gaji. Mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang tinggi membantu keluarga di kampung. Tetapi biasanya mereka ini tidak kekal tinggal di kampung kerana tarikan ke kilang-kilang atau peluang pekerjaan yang akhirnya "memaksa" mereka meninggalkan kampung.

ii. Pendapatan yang Kurang Memuaskan

Biasanya, bagi mereka yang bekerja dalam sektor pertanian berpendapatan tidak tetap dan rendah (kurang \$300/- sebulan). Oleh itu mereka mencari peluang lain seperti menjadi buruh di Singapura yang memperolehi pendapatan lebih dari \$400/- sebulan dan boleh menampung serta merubah hidup mereka.

iii. Kemudahan Yang Kurang Baik

Sungguhpun Air Baloi sesuai dengan hasil pengeluaran

getah, nenas dan kelapa sawit tetapi penduduknya masih lagi berpendapatan rendah (\$300/- sebulan) kerana hasil-hasilnya tidak dapat dikeluarkan kesemuanya. Ini adalah disebabkan kurangnya pengangkutan yang boleh mengangkut hasil-hasil seperti nenas dan kelapa sawit keluar dari kampung. Kekurangan pengangkutan pula adalah disebabkan jalan raya yang tidak baik. Tiada "jalan raya tar" dan hanya terdapat jalan tanah merah sahaja di kampung ini. Kalau tiba musim hujan, jalan yang penuh lecek tidak dapat digunakan. Keadaan ini memudahkan pengangkutan itu terbalik. Contohnya sewaktu penulis menjalankan kajian, penulis telah terjumpa dengan sebuah lori terbalik dengan muatannya (buah nenas) yang bertaburan di atas tanah. Di samping itu pula jalan raya tanah merahnya pun sempit dan sukar untuk kenderaan yang besar untuk masuk. Biasanya kenderaan yang disewa untuk mengangkut hasil mereka terlalu mahal. Dengan ini kos pengeluaran adalah tinggi dan kurang mendatangkan faedah. Oleh itu mereka yang bosan dengan keadaan ini terpaksa berpindah ke tempat lain untuk merubah hidup baru.

Pemilikan

Pekerjaan

0 0.1-1 1.1-2 2.1-4 4.1-7 7.1-10 10.1-15 15.1-20 20.1-25 25 Dan Bil. Lebih Orang

I. Dalam Sektor Pertanian

| | | | | | | | | | | | |
|----------------------|---|---|---|----|----|----|----|---|---|---|----|
| Fenoreh Getah | 1 | 2 | - | 17 | 19 | 16 | 13 | 1 | 1 | 2 | 72 |
| Pekibun Kelapa Sawit | - | - | - | - | - | - | - | 1 | - | - | 1 |
| Pekibun Nenas | - | - | - | - | - | 1 | 1 | - | - | - | 2 |
| Kerja Kampung | - | 2 | 1 | 2 | 3 | 1 | - | - | - | - | 9 |

2. Luar Pertanian

| | | | | | | | | | | | |
|--------------|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Berniaga | - | - | - | - | - | 1 | - | 1 | - | - | 2 |
| Buruh | 2 | 1 | 2 | 1 | 1 | - | - | - | - | - | 7 |
| Tukang Masak | - | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | 1 |
| Pemandu | - | - | 1 | - | - | - | - | - | - | - | 1 |
| Tukang Rumah | - | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | 1 |
| Jaga | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | - | - |
| Bidan | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | - | 1 |

3. Tidak Bekerja

JUMLAH 3 5 4 23 26 19 14 3 1 2 100 1

Dalam Pertanian

Dari jadual di atas kita dapati bahawa 17 orang (18%) penoreh getah memiliki 2.1-4 ekar tanah, 19 orang (19%) penoreh getah memiliki 4.1-7 ekar tanah, 16 orang (16%) penoreh getah memiliki 7.1-10 ekar tanah dan 13 orang (13%) memiliki 10.1-15 ekar tanah. Tidak ramai penoreh getah yang memiliki tanah lebih dari 15 ekar iaitu cuma 4 orang (4%). Ada 2 orang (2%) penoreh getah memiliki tanah kurang dari seekor. Ada seorang pekebun kelapa sawit memiliki tanah seluas 17.5 ekar, seorang pekebun nenas memiliki 7.1-10 ekar tanah dan seorang memiliki 10.1-15 ekar tanah. Ada 4 orang (4%) kerja kampung memiliki tanah lebih dari 4.1 ekar dan 5 orang (5%) memiliki tanah kurang dari 4 ekar. Terdapat 2 orang (2%) memiliki tanah lebih dari 25 ekar dan seorang penoreh (1%) yang memiliki tanah di antara 20 - 25 ekar. Kedua-dua mereka tidak ada perhubungan kekeluargaan atau persaudaraan.

Luar Pertanian

Dari jadual di atas kita dapati bahawa 2 orang peniaga mempunyai tanah lebih dari 7 ekar iaitu seorang memiliki 7.1-10 ekar tanah dan seorang memiliki 15.1-20 ekar tanah. Ada 2 orang (2%) buruh memiliki tanah lebih dari 2.1 ekar dan 5 orang (5%) memiliki tanah kurang dari 2 ekar. Tukang masak memiliki 4.1-7 ekar tanah, pemandu memiliki tanah 1.1-2 ekar tanah, tukang rumah memiliki 4.1-7 ekar tanah, jaga memiliki 2.1-4 ekar tanah dan bidan memiliki 2.1-4 ekar tanah.

Tidak Bekerja

Ada dua orang (2%) yang tidak bekerja memiliki tanah iaitu seorang memiliki 4.1-7 ekar tanah dan seorang memiliki 2.1-4 ekar tanah. Kedua-dua pemilik ini menyewakan tanah mereka kepada orang lain. Seorang pemilik menyewakan 2.5 ekar tanah dan seorang lagi pemilik menyewakan 5 ekar tanahnya kepada jiran sekampung mereka. Mereka tidak mampu mengerjakan tanah kerana umur mereka sudah melebihi 71 tahun dan sudah uzur.

Dari keterangan di atas dapat dibuat beberapa kesimpulan iaitu:-

- i. Mereka yang menjalankan kegiatan dalam pertanian lebih ramai memiliki tanah iaitu 72% penoreh getah, 1% pekebun kelapa sawit, 2% pekebun nenas dan 9% kerja kampung.
- ii. Mereka yang menjalankan kegiatan ekonomi di luar pertanian tidak ramai memiliki tanah. Ada beberapa sebab keadaan ini berlaku. Antara lainnya:-
 - a. Mereka mempunyai pekerjaan luar pertanian dan tidak bergantung hidup dengan aktiviti pertanian. Oleh itu memiliki tanah sebagai sumber penghidupan adalah tidak penting bagi mereka.

b. Mereka tidak ada peluang untuk meneroka dan membeli tanah

iii. Kebanyakan pemilik, bagi mereka yang bekerja di luar pertanian mempunyai saiz tanah yang kecil jika dibandingkan dengan pemilik yang bekerja di dalam pertanian iaitu kurang dari 7 ekar kecuali dua orang peniaga yang memiliki tanah seluas 7.1-10 ekar dan 15.1-20 ekar.

II Kategori Anak-Anak Mengikut Pekerjaan Ketua Keluarga

Pekerjaan ketua keluarga mempunyai pengaruh yang penting dalam menentukan corak hidup anak-anak mereka. Misalnya, jika pekerjaan ketua keluarga itu boleh memberikan pendapatan yang tinggi, anak-anak mereka dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana mereka mampu membiayainya. Apabila kelulusan anak-anak itu tinggi maka tinggilah taraf pekerjaannya. Jika seseorang anak itu memiliki Sijil Rendah Pelajaran maka sudah pasti menjadi buruh dan bagi anak-anak yang memiliki Sijil Tinggi Persekolahan dan Ijazah Sarjana Muda sudah pasti menjadi pegawai tadbir yang dibayar gaji yang agak lumayan.

Kedudukan dan taraf anak-anak di Mukim Air Balai dapat dilihat dari jadual berikut:-

484 Kategori Anak-Anak Mengikut Pekerjaan
Ketua Keluarga

| Sektor Kategori Anak | DALAM PERTANIAN | | | | LUAR PERTANIAN | | | |
|-------------------------|------------------------------------|--------------|---|--------------|------------------------------------|--------------|---|------------|
| | Anak Yang Tinggal Di Kampung | | Anak Yang Tinggal Di Luar Kampung | | Anak Yang Tinggal Di Kampung | | Anak Yang Tinggal Di Luar Kampung | |
| | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % |
| <u>Belum Bekerja</u> | | | | | | | | |
| Belum Sekolah | 42 | 7.00 | 10 | 1.67 | 15 | 2.50 | - | - |
| Sedang Bersekolah | 170 | 28.33 | 5 | 0.83 | 77 | 12.84 | - | - |
| Tidak Bekerja | 14 | 2.33 | 4 | 0.67 | 5 | 0.83 | - | - |
| <u>Bekerja</u> | | | | | | | | |
| Dalam Pertanian | 30 | 5.00 | - | - | - | - | - | - |
| Luar Pertanian | 60 | 10.00 | 91 | 15.17 | - | - | 3 | 0.5 |
| Ikut Suami | 4 | 0.67 | 70 | 11.66 | - | - | - | - |
| JUMLAH | 320 | 53.33 | 180 | 30.00 | 97 | 16.17 | 3 | 0.5 |

Dalam Pertanian

Anak-anak yang tinggal di kampung dan masih bersekolah lebih ramai dari kategori yang lain iaitu 170 orang (28.33%). Terdapat 14 orang (2.33%) mereka yang tidak bekerja dan bagi mereka yang bekerja ialah seramai 90 orang, iaitu 30 orang (5%) bekerja di dalam sektor pertanian dan 60 orang (10%) bekerja di luar sektor pertanian. Mereka yang keluar bekerja dan menetap di luar kampung adalah ramai juga iaitu 91 orang (15.17%). Bagi anak-anak yang masih bersekolah dan tinggal

di luar kampung ialah 5 orang (0.83%) dan tidak bekerja ialah 4 orang (0.67%). Bagi mereka yang tidak bekerja kesemuanya menumpang di rumah saudara mara masing-masing di bandar untuk menunggu pekerjaan yang dipohon dari kerajaan atau dari pihak swasta.

Luar Pertanian

Bagi mereka yang tinggal di kampung dan masih bersekolah juga ramai iaitu 77 orang (12.84%). Lima orang (0.83%) masih lagi tidak bekerja. Mereka juga masih menunggu pekerjaan yang dipohon dari kerajaan. Anak-anak mereka yang di luar sektor pertanian ini cuma 3 orang (0.5%) yang sudah bekerja.

Dari keterangan di atas dapatlah dikatakan bahawa:

- i. Masih ramai lagi anak-anak mereka yang bekerja di dalam pertanian dan di luar pertanian berada di bangku sekolah.
- ii. Anak-anak pekerja dalam pertanian lebih ramai bekerja jika dibandingkan dengan anak-anak pekerja di luar pertanian. Ia dibandingkan dari segi jumlah keseluruhan anak-anak ketua keluarga di dalam dan di luar sektor pertanian. Jadi ukuran ini tidak boleh dianggap mutlak.
- iii. Anak-anak pekerja di sektor pertanian lebih berminat bekerja di luar kampung dari bekerja

di dalam kampung sendiri dan kesemuanya bekerja di luar sektor pertanian.

Sebab-sebab Anak-anak Pekerja Di Dalam Sektor Pertanian Dan Di Luar Sektor Pertanian Tidak Bekerja

- i. Sebahagian dari mereka sedang menunggu pekerjaan yang dipohon. Misalnya dua orang yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia dan seorang memiliki Sijil Tinggi Persekolahan sedang menunggu keputusan dari Kementerian Pelajaran samada mereka diterima atau tidak menjadi guru pelatih di maktab-maktab perguruan.
- ii. Mereka tidak bekerja di dalam sektor pertanian kerana merasa keberatan untuk melakukannya. Ini adalah disebabkan semasa di bangku sekolah mereka tidak pernah diajar atau dilatih untuk memoreh getah atau mengurus kebun. Jadi mereka tidak mempunyai kemahiran untuk melakukan kerja-kerja di dalam sektor pertanian. Ini disokong pula oleh kemungkinan sikap malas dan memandang rendah terhadap taraf pekerjaan di dalam sektor pertanian oleh mereka.
- iii. Kecacatan bagi setengah anak-anak mereka. Contohnya seorang budak lelaki berusia 16 tahun lumpuh dan seorang budak perempuan berusia 14 tahun mengalami kecacatan mata

(rabun). Ini menyebabkan mereka tidak boleh melakukan sebarang pekerjaan.

II Hubungan Pendapatan Dengan Pemilikan Tanah

Turun naiknya pendapatan bagi penduduk luarbandar kadangkala bergantung kepada pola-pola pemilikan tanahnya. Jika luas tanah yang dimiliki maka besarlah kadar pendapatannya. Hal ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan.

Kedudukan pendapatan penduduk Air Beloi boleh diperhatikan dari jadual di bawah:-

4.5 Pembahagian Ketua Keluarga Mengikut Pendapatan

| Pendapatan (\$) | Bilangan | Peratus |
|-----------------|------------|------------|
| 0 - 50 | 2 | 2 |
| 51 - 100 | 25 | 25 |
| 101 - 150 | 35 | 35 |
| 151 - 200 | 15 | 15 |
| 201 - 250 | 7 | 7 |
| 251 - 300 | 8 | 8 |
| 301 - 350 | 2 | 2 |
| 351 - 400 | 2 | 2 |
| 401 - 500 | 3 | 3 |
| 501 dan lebih | 1 | 1 |
| JUMLAH | 100 | 100 |

Dari jadual di atas dapat diperhatikan bahawa 72% (72 orang) penduduk Air Baloi memperoleh pendapatan di bawah dari \$200/- sebulan dan 28% (28 orang) memperoleh pendapatan lebih dari \$200/-. Hanya seorang sahaja memperoleh pendapatan lebih dari \$500/- sebulan (ia adalah seorang peniaga) dan 3 orang (3%) sahaja yang memiliki pendapatan lebih dari \$400/- sebulan.

i. Pembahagian Keseluruhan Keluarga Mengikut Pendapatan

Di Air Baloi, pendapatan keluarga bukan hanya di peroleh oleh ketua keluarga sahaja tetapi juga termasuklah isteri dan anak-anak. Biasanya pendapatan isteri dan anak tidak dapat dianggap boleh menampung perbelanjaan harian keluarga kerana mengikut kebiasaan penduduk di sini ketua keluargalah yang bertanggungjawab memberi nafkah hidup keluarga. Biasanya wang pendapatan isteri disimpan untuk membeli barang kemas isteri atau disimpan untuk masa kecemasan. Tetapi ada juga setengah isteri dan anak mencari pendapatan lain untuk membantu keluarga atau mengurangkan bebanan ketua keluarga.

Kedudukan keseluruhan keluarga mengikut pendapatan boleh ditunjukkan di dalam jadual berikut:-

4:6 Pembahagian Keseluruhan Keluarga
Mengikut Pendapatan

| Pendapatan (\$) | Suami | % | Isteri | % | Anak | % |
|-----------------|-------|-------|--------|-------|------|-------|
| 0 - 50 | 2 | 0.88 | 79 | 34.80 | 0 | 0 |
| 51 - 100 | 25 | 11.01 | 10 | 4.41 | 15 | 6.61 |
| 101 - 150 | 32 | 14.10 | 7 | 3.08 | 5 | 2.21 |
| 151 - 200 | 15 | 6.61 | 4 | 1.76 | 4 | 1.76 |
| 201 - 250 | 7 | 3.08 | - | - | 2 | 0.88 |
| 251 - 300 | 8 | 3.53 | - | - | 1 | 0.44 |
| 301 - 350 | 2 | 0.88 | - | - | 2 | 0.88 |
| 351 - 400 | 2 | 0.88 | - | - | 1 | 0.44 |
| 401 - 500 | 3 | 1.32 | - | - | - | - |
| 501 dan lebih | 1 | 0.44 | - | - | - | - |
| JUMLAH | 97 | 42.73 | 100 | 44.05 | 30 | 13.22 |

Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa pendapatan di antara \$101/- hingga \$150/- sebulan adalah bilangan teramai bagi golongan suami iaitu 32 orang (14.10%). Isteri pula, ramai yang memperolehi pendapatan di antara 0 hingga \$50/- sebulan iaitu 79 orang (34.80%). Bagi golongan anak pula, ramai yang memperolehi pendapatan \$51/- hingga \$100/- sebulan. Bagi suami yang memperolehi pendapatan yang paling tinggi hanya seorang sahaja iaitu lebih dari \$500/- sebulan. Pendapatan isteri yang paling tinggi ialah di antara \$151/- hingga \$200/- seramai 4 orang (1.76%) dan pendapatan anak yang paling tinggi ialah di antara

\$351/- hingga \$400/- iaitu seorang (baru saja tamat latihan maktab perguruan). Terdapat 7 orang (3.08%) isteri yang berpendapatan di antara \$101/- hingga \$150/- sebulan. Tiga darinya adalah janda (suami sudah meninggal) iaitu seorang bidan dan dua orang penoreh getah.

Hanya terdapat seorang anak (0.44%) yang memiliki pendapatan yang paling tinggi iaitu lebih dari \$500/- sebulan.

Beberapa rumusan dapat dibuat berdasarkan keterangan di atas. Antara lainnya:-

- i. Golongan suami mempunyai pendapatan yang tinggi. Kemudian diikuti oleh pendapatan anak mereka.
- ii. Golongan isteri kebanyakannya mempunyai pendapatan kurang dari \$50/- sebulan.
- iii. Terdapat kecenderungan isteri untuk memperolehi pendapatan samada untuk kepentingan dirinya mahupun untuk keluarganya.

Sebab-sebab Isteri Memperolehi Pendapatan Yang Rendah

- i. Mereka menjalankan kerja itu secara sambilan.

ii. Mereka tidak memperolehi peluang pekerjaan yang lebih luas kerana terpaksa menjaga dan menguruskan rumahtangga.

iii. Kebanyakan isteri tidak memperolehi pendidikan yang tinggi. Dengan itu mereka tidak dapat bekerja di sektor luar pertanian untuk memperolehi pendapatan yang lumayan. Kebanyakan mereka menoreh secara sambilan dan berkebun sayur.

ii. Pembahagian Ketua Keluarga Mengikat Pemilikan Dan Pendapatan

Dari jadual 4:7 didapati bahawa 15 orang (15%) memperolehi pendapatan di antara \$101/- hingga \$150/- sebulan dan memiliki tanah seluas 2.1-4 ekar. 13 orang (13%) memperolehi pendapatan \$51/- hingga \$100/- sebulan. Terdapat 2 orang yang memperolehi pendapatan 0 hingga \$50/- sebulan iaitu seorang memiliki 1.1-2 ekar tanah dan seorang memiliki 2.1-4 ekar tanah.

Beberapa andaian dapat dibuat berdasarkan jadual dan keterangan di atas:-

- i. Sungguhpun ramai yang memiliki tanah yang luas saiznya, tetapi masih lagi pendapatan mereka rendah.
- ii. Ada segolongan berpendapatan tinggi yang bukan bergantung kepada saiz tanah yang dimiliki.

487 Pembahagian Ketua Keluarga Menelikut
Pemilikan Dan Pendapatan

| <u>Pendapatan (\$)</u> | <u>Pemilikan</u> | | | | | | | | | | | <u>Jumlah</u> | <u>%</u> |
|------------------------|------------------|--------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------------|---------------|---------------|----------|
| | 0-50 | 51-100 | 101-150 | 151-200 | 201-250 | 251-300 | 301-350 | 351-400 | 401-500 | 501 dan lebih | <u>Jumlah</u> | | |
| 0 | | | | 2 | | 1 | | 1 | | | | 3 | 3 |
| 0.1 - 1 | | | | 1 | | 1 | | 1 | | | | 3 | 5 |
| 1.1 - 2 | 1 | 2 | | 1 | | | | | | | | 4 | 4 |
| 2.1 - 4 | | | 15 | 3 | 3 | 2 | 1 | 1 | | | | 23 | 23 |
| 4.1 - 7 | | 13 | 3 | 4 | | 3 | | 1 | | 1 | 1 | 26 | 26 |
| 7.1 - 10 | | 9 | 2 | 4 | 2 | 1 | | | | | | 19 | 19 |
| 10.1 - 15 | | 1 | 11 | | 2 | 1 | | | | | | 14 | 14 |
| 15.1 - 20 | | | 1 | 1 | | | | | 1 | | | 3 | 3 |
| 20.1 - 25 | | | | 1 | 1 | | | | | | 1 | 1 | 1 |
| 25.1 dan lebih | | | | | 1 | | | | | 1 | | 2 | 2 |
| <u>Jumlah</u> | 2 | 25 | 35 | 15 | 7 | 8 | 2 | 2 | 3 | 1 | 100 | 100 | 100 |

iii. Hanya sebilangan kecil sahaja golongan yang memiliki saiz tanah yang luas memperoleh pendapatan yang lumayan. Contoh/seorang^{nya} memiliki tanah di antara 4.1-7 ekar memperoleh pendapatan \$400/- hingga \$500/- sebulan, seorang memiliki luas tanah antara 4.1-7 ekar memperoleh pendapatan lebih dari \$500/- sebulan, seorang memiliki tanah di antara 7.1-10 ekar memperoleh pendapatan di antara \$401/- hingga \$500/-, seorang memiliki tanah 15.1-20 ekar memperoleh pendapatan di antara \$351/- hingga \$400/- sebulan dan seorang memiliki tanah lebih dari 25 ekar yang memperoleh pendapatan di antara \$400/- hingga \$500/- sebulan. Keadaan ini terjadi kerana pemilik tanah yang berpendapatan tinggi tidak semata-mata memperoleh pendapatan berdasarkan pengerjaan tanah tetapi melakukan kerja-kerja lain seperti berniaga dan menjadi buruh sambilan.

Dalam Pertanian

Dari jadual 4:8 dapat diperhatikan bahawa cuma 5 orang (5%) penoreh getah memperoleh pendapatan lebih dari \$200/- sebulan dan 67 orang (67%) memperoleh pendapatan kurang dari \$200/- sebulan. Terdapat 24 orang (24%) memperoleh pendapatan di antara \$51/- hingga \$100/- sebulan, 33 orang (33%) memperoleh pendapatan di antara

488 Pembahagian Ketua Keluarga Mengikut Pendapatan Dan Pekerjaan

| Pendapatan (\$) Pekerjaan | Income Brackets | | | | | | | | | | Lebih 501 | Jumlah | % |
|--------------------------------|-----------------|-----------|-----------|-----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|------------|------------|------------|
| | 0-50 | 51-100 | 101-150 | 151-200 | 201-250 | 251-300 | 301-350 | 351-400 | 401-500 | 501 | | | |
| Jumlah Sektor Pertanian | - | 24 | 33 | 10 | 2 | 3 | - | - | - | - | - | 72 | 72 |
| Penoreh Getah | - | - | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | 1 | 1 |
| Pekubun Kelapa Sawit | - | - | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | 1 | 1 |
| Pekubun Menas | - | - | - | 1 | 1 | - | - | - | - | - | - | 2 | 2 |
| Pekerja Kampung | - | 1 | 1 | 2 | 4 | 1 | - | - | - | - | - | 9 | 9 |
| Jumlah Sektor Pertanian | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 2 | 2 |
| Berolega | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 | 1 |
| Buruh | - | - | - | 2 | - | 1 | - | 1 | - | - | - | 7 | 7 |
| Tukang Masak | - | - | - | - | - | - | - | 1 | - | - | - | 1 | 1 |
| Pemandu | - | - | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | 1 | 1 |
| Tukang Rumah | - | - | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | 1 | 1 |
| Jaga | - | - | - | - | - | - | - | 1 | - | - | - | 1 | 1 |
| Bidan | - | - | 1 | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 | 1 |
| Tidak Bekerja | 2 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 2 | 2 |
| Jumlah | 2 | 25 | 35 | 15 | 7 | 8 | 2 | 2 | 3 | 1 | 100 | 100 | 100 |

\$101/- hingga \$150/- sebulan dan 10 orang memperoleh pendapatan di antara \$151/- hingga \$200/- sebulan. Bagi pekebun kelapa sawit pula seorang memperoleh pendapatan di antara \$251/- hingga \$300/- sebulan. Pekebun nenas pula memperoleh pendapatan kurang dari \$251/- sebulan iaitu seorang memperoleh pendapatan \$151/- hingga \$200/- sebulan dan seorang memperoleh pendapatan \$201/- hingga \$250/- sebulan. Bagi pekerja kampung pula 5 orang (5%) memperoleh pendapatan lebih dari \$200/- sebulan dan 5 orang (5%) memperoleh pendapatan di bawah \$200/- sebulan.

Luar Pertanian

Jadual di atas juga menunjukkan bahawa 2 orang peniaga memperoleh pendapatan lebih dari \$400/- sebulan. Terdapat 4 orang (4%) memperoleh pendapatan lebih dari \$300/- sebulan dan 3 orang (3%) memperoleh pendapatan kurang dari \$300/- sebulan bagi mereka yang terlibat sebagai buruh. Seorang (1%) tukang masak memperoleh pendapatan lebih dari \$400/- sebulan. Seorang (1%) pemandu memperoleh pendapatan di antara \$251/- hingga \$300/- sebulan. Seorang (1%) tukang rumah memperoleh pendapatan di antara \$251/- hingga \$300/- sebulan. Seorang jaga memperoleh pendapatan di antara \$101/- hingga \$150/- sebulan dan seorang bidan memperoleh pendapatan di antara \$101/- hingga \$150/- sebulan.

Tidak Bekerja

Kedua-dua mereka yang tidak bekerja memperoleh pendapatan

\$0/- hingga \$50/- sebulan. Pendapatan mereka bergantung kepada pemberian anak atau cucu atau jiran-jiran yang hampir.

Dari keterangan di atas dapat dirumuskan bahawa:-

- i. Pendapatan bagi mereka yang bekerja dalam sektor pertanian memperolehi pendapatan yang amat rendah jika dibandingkan dengan pendapatan bagi mereka yang bekerja di luar pertanian.
- ii. Bekerja di sektor luar pertanian lebih lumayan pendapatannya kecuali seorang bidan yang memperolehi pendapatan di antara \$101/- hingga \$150/- sebulan. Pendapatannya bergantung kepada kadar ibu bersalin. Biasanya bidan ini dibayar \$30/- hingga \$40/- bagi setiap ibu yang bersalin di bawah pengawasannya.
- iii. Dalam sektor pertanian penoreh getahlah yang paling ramai memperolehi pendapatan yang agak kecil. Misalnya 67% memperolehi pendapatan kurang dari \$200/- sebulan.

Sebab-sebab Perbezaan Pendapatan Di Antara Sektor Dalam Pertanian Dengan Sektor Luar Pertanian

- i. Dalam sektor pertanian kelihatan pendapatan rendah kerana pendapatan mereka bergantung kepada alam sekeliling dan harga pasaran.

Misalnya bila musim hujan mereka tidak dapat menoreh. Apatah lagi kalau kena "musim tengkujuh". Jika mereka memiliki hasil nenas pada waktu itu, nenas mereka tidak dapat dipasarkan dengan baik kerana pembeli enggan masuk ke kampung mereka disebabkan jalan raya yang kurang memuaskan. Kadangkala harga getah dan nenas merosot. Dengan itu pendapatan mereka tetap akan berada di bawah paras yang memuaskan.

ii. Kekurangan tenaga buruh untuk menguruskan tanah juga menjadi punca kekurangan pendapatan mereka. Dengan usia mereka yang sudah lanjut mereka tidak lagi berdaya untuk mengerjakan kesemua tanah mereka, meskipun mereka memiliki kebun getah yang luas (lebih 10 ekar). Anak-anak muda keluar ke bandar untuk bekerja di luar pertanian. Anak-anak muda kurang berminat untuk melakukan kerja-kerja di dalam sektor pertanian. Mereka lebih suka bekerja di kilang-kilang atau menjadi buruh binaan di Singapura jika di sektor kerajaan mereka gagal memperolehi pekerjaan.

iii. Pendapatan bagi mereka yang menjalankan aktiviti ekonomi luar pertanian adalah tinggi kerana pendapatan mereka tidak bergantung kepada

cuaca atau harga pasaran getah dan nenas. Jarang sekali kedengaran pendapatan mereka turun kerana disebabkan keadaan cuaca dan turunnya harga getah dan nenas. Kalau ada pemotongan gajipun adalah disebabkan tindakan disiplin oleh majikan jika melakukan kesalahan yang melanggar tatatertib pekerjaan.

Sebab-Sebab Golongan Berpendapatan Rendah Boleh Hidup

Jarang sekali kita mendengar orang berpendapatan rendah menangis tersedu kerana mereka memperolehi pendapatan yang rendah. Tidak pernah kedengaran penduduk Air Baloi mati kelaparan. Cuma bagi anggapan penulis mereka yang berpendapatan kurang dari \$200/- (termasuk di Air Baloi) adalah golongan yang miskin dan seharusnya mengeluh dan mengadu kepada orang lain di atas nasib dan keadaan mereka. Tetapi keadaan di Air Baloi tidak ujud disebabkan:

i. Konsep syukur yang menjadi pegangan kepada umat

Islam membuat mereka menerima apa saja yang mereka terima. Bagi mereka semua ini adalah kehendak tuhan apabila mereka telah puas untuk memajukan diri mereka.

ii. Mereka mempunyai kerja-kerja sampingan seperti mengambil upah memetik nenas atau menjadi buruh di tempat lain jika mereka tidak dapat menoreh

getah disebabkan musim hujan.

- iii. Setengah dari barang-barang keperluan tidak payah dibeli seperti sayur-sayuran ditenga sendiri. Ada kalanya mereka menanam sayur untuk dijual sebagai hasil pendapatan sampingan.

4:9 Kategori Pemilik Mengikut Pendapatan

| Pendapatan (\$) | 0- | 51- | 101- | 151- | 201- | 251- | 301- | 351- | 401- | 501- | Jumlah | % |
|-------------------------------|----|-----|------|------|------|------|------|------|------|-----------|--------|-----|
| | 50 | 100 | 150 | 200 | 250 | 300 | 350 | 400 | 500 | Dan Lebih | | |
| Kategori Pemilik | | | | | | | | | | | | |
| Pemilik | 1 | - | - | - | - | - | - | 1 | - | 1 | 3 | 3 |
| Pemilik Dan Pemilik Pengerja | - | 3 | 12 | 10 | 2 | 8 | - | - | 2 | - | 39 | 39 |
| Pemilik Pengerja | 1 | 20 | 23 | 5 | 2 | - | - | 1 | 1 | - | 53 | 53 |
| Pemilik Pengerja Dan Pengerja | - | 1 | - | - | 1 | - | - | - | - | - | 2 | 2 |
| Pengerja | - | 1 | - | - | 2 | - | - | - | - | - | 3 | 3 |
| JUMLAH | 2 | 25 | 35 | 15 | 7 | 8 | - | 2 | 3 | 1 | 100 | 100 |

iii. Pendapatan Dari Segi Kategori Pemilik

Dari gambarejah di atas didapati bahawa dari kategori pemilik hanya seorang memperolehi pendapatan di antara \$351/- hingga \$400/-, seorang memperolehi pendapatan lebih dari \$500/- sebulan dan seorang memperolehi

pendapatan di antara 0 hingga \$50/- sebulan. Seorang memperoleh pendapatan di antara 0 hingga \$50/- kerana beliau tidak boleh bekerja lagi. Pendapatannya adalah diperolehi dari pemberian anak dan cucunya. Dari kategori pemilik dan pemilik pengerja seramai 12 orang (12%) memperoleh pendapatan di antara \$151/- hingga \$200/- sebulan, dua orang (2%) memperoleh pendapatan di antara \$401/- hingga \$500/- sebulan dan 3 orang (3%) memperoleh pendapatan di antara \$51/- hingga \$100/-.

Dari kategori pemilik pengerja terdapat 23 orang (23%) memperoleh pendapatan \$101 hingga \$150/- sebulan, 20 orang (20%) memperoleh pendapatan di antara \$51/- hingga \$100/-, seorang memperoleh pendapatan di antara 0 hingga \$50/-. Hanya 2 orang memperoleh pendapatan melebihi \$350/- sebulan. Dari kategori pemilik pengerja dan pengerja terdapat seorang (1%) berpendapatan di antara \$51/- hingga \$100/- sebulan dan seorang (1%) memperoleh pendapatan di antara \$201/- hingga \$250/- sebulan. Dari kategori pengerja terdapat 2 orang (2%) berpendapatan \$201/- hingga \$250/- sebulan dan seorang berpendapatan di antara \$51/- hingga \$100/- sebulan.

Berdasarkan keterangan di atas beberapa rumusan dapat

dibuat:-

1. Golongan pemilik memperoleh pendapatan yang tinggi

ii. Golongan pemilik pengerja dan pemilik dan pemilik pengerja mempunyai pendapatan yang rendah \$200/- sebulan. Misalnya 25 orang (25%) pemilik dan pemilik pengerja memperoleh pendapatan kurang dari \$200- sebulan dan 47% (47 orang) memperoleh pendapatan kurang dari \$200/- sebulan.

iii. Golongan pengerja dan pemilik pengerja dan pengerja semuanya mempunyai pendapatan di bawah paras \$200/- sebulan iaitu seramai 5 orang (2 orang dari pemilik pengerja dan pengerja dan 3 orang dari pengerja)

Keadaan-keadaan di atas wujud kerana beberapa sebab:-

i. Pemilik tanah mempunyai tanah yang luas. Oleh itu pendapatan mereka turut meningkat

ii. Pemilik pengerja mempunyai tanah yang luas tetapi sebahagian dikerjakan oleh orang lain.

Ini bererti pendapatan "sebenar" dari hasil tanahnya berkurangan kerana terpaksa diberi sebahagiannya kepada pengerja tanahnya atau penyewa tanahnya.

iii. Pemilik pengerja dan pengerja pula memiliki tanah yang kecil saiznya dan terpaksa membayar sewa tanah

orang lain. Misalnya tanah yang dikerjakan
dibahagi dua.

- iv. Pengerja pula tidak memiliki tanah dan
bergantung hidup dengan mengambil upah.
Oleh itu pendapatannya adalah rendah.

iv. Pendapatan dari segi tanggungan

Kesempitan atau kesusahan hidup masyarakat luarbandar
kadang kala disebabkan pendapatan ketua keluarga yang rendah
dan tanggungan ahli keluarga yang ramai. Ini termasuk soal
makan minum, pakaian, rumah dan persekolahan anak-anak.

Penyebaran pendapatan dan tanggungan ketua keluarga
di Mukim Air Baloi dapat ditunjukkan dalam jadual 4:10.
Dari jadual ini kita dapati bahawa 27 orang (27%) ketua
keluarga yang mempunyai tanggungan seramai 7 orang.
Terdapat seorang (1%) mempunyai tanggungan seorang, 12
orang (12%) ketua keluarga memiliki pendapatan di antara
\$51/- hingga \$100/- mempunyai tanggungan 7 orang, 12
orang memiliki pendapatan \$101/- hingga \$150/- mempunyai
tanggungan 8 orang. Terdapat 2 orang memiliki pendapatan
di antara \$351/- hingga \$400/- sebulan mempunyai tanggungan
lebih dari 5 orang. Pendapatan di antara \$401/- hingga
\$500/- terdapat 2 orang (2%) mempunyai tanggungan lebih
dari 6 orang. Terdapat 3 orang (3%) mempunyai tanggungan

4:10 Penyebaran Pendapatan Keluarga Dan Tanggungan

| Tanggungan Pendapatan (\$) | | | | | | | | | | | | |
|-------------------------------|----------|----------|----------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|----------|----------|--------------|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 dan lebih | |
| 0 - 50 | 1 | - | 1 | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 51 - 100 | - | - | - | 5 | - | 8 | 12 | - | - | - | - | - |
| 101 - 150 | - | - | 1 | 1 | 2 | 6 | 9 | 12 | 1 | 1 | - | 2 |
| 151 - 200 | - | - | 1 | - | 7 | 2 | 1 | 3 | 1 | - | - | - |
| 201 - 250 | - | - | - | 1 | 1 | - | 2 | - | 1 | 2 | - | - |
| 251 - 300 | - | - | - | - | 2 | 3 | 1 | - | 1 | 1 | - | - |
| 301 - 350 | - | - | - | - | - | 1 | - | 1 | - | - | - | - |
| 351 - 400 | - | - | - | - | - | 1 | 1 | - | - | - | - | - |
| 401 - 500 | - | - | - | 1 | - | - | 1 | - | 1 | - | - | - |
| 501 dan ke atas | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| JUMLAH | 1 | 0 | 3 | 8 | 12 | 21 | 27 | 16 | 5 | 4 | 3 | |

10 orang ke atas iaitu 2 orang berpendapatan \$101/- hingga \$150/- dan seorang berpendapatan lebih dari \$500/- sebulan.

Terdapat 4 orang mempunyai tanggungan 10 orang iaitu berpendapatan di antara \$101/- hingga \$150/-, \$201/- hingga \$250/- dan \$251/- hingga \$300/- sebulan.

Dari keterangan di atas dapatlah dikatakan bahawa:-

- i. Golongan yang berpendapatan rendah (kurang \$200/-) mempunyai tanggungan yang ramai (lebih dari 5 orang).

- ii. Golongan yang berpendapatan tinggi juga mempunyai tanggungan yang ramai. Tetapi golongan yang berpendapatan tinggi tidak ramai. Misalnya cuma 8 orang (8%) sahaja yang mempunyai pendapatan lebih dari \$350/- sebulan.

- iii. Segelintir sahaja yang memiliki tanggungan yang rendah. Contohnya pendapatan 0 hingga \$50/- sebulan hanya 2 orang (2%) mempunyai tanggungan kurang dari 5 orang iaitu seorang mempunyai tanggungan seorang dan seorang lagi mempunyai tanggungan 3 orang.

Sebab-sebab Mereka Mempunyai Ramai Tanggungan

- i. Kurang mengamalkan sistem perancang keluarga. Mengikut seorang bidan kerajaan di sini mereka tidak mahu mengamalkannya kerana kata mereka cara ini menyalahi hukum Islam.

- ii. Anak lambang kebahagiaan rumahtangga. Bagi mereka ramai anak lagi bahagia rumahtangga mereka. Bagi mereka tanpa mempunyai anak hidup mereka seolah-olah tidak bererti di dunia ini. Konsep ini hanya dipegang oleh segelintir penduduk yang ramai mempunyai anak.

iii. Pergantungan hidup mereka masa tua nanti.

Mengikut tanggapan penduduk di sini bukan semua anak "mengenang jasa" ayah dan ibu.

Kalau ramai anak tentulah ada salah seorang darinya yang akan bersimpati dan menjaga mereka apabila tua nanti.

Universiti Malaya

IMPLIKASI SOSIO-EKONOMI II

1 Harta Simpanan (Selain Dari Tanah)

Harta simpanan yang dimaksudkan oleh penulis ialah kesemua harta yang dimiliki oleh setiap individu atau keluarga yang berupa wang dan barang-barang bernilai yang lain. Biasanya barang-barang bernilai itu akan dinilai pula dengan wang. Apabila penulis menyebut tentang harta simpanan, maka termasuklah pemilikan rumah, ternakan, alat pertanian, emas, wang tunai, wang di bank dan kenderaan. Taburan simpanan harta bagi penduduk Air Baloi dapat ditunjukkan di dalam jadual 5:1.

Dari jadual ini dapat dilihat bahawa kesemua (100 respondent) memiliki rumah. Terdapat 93 orang (93%) menternak ayam, itik dan angsa. Kebanyakan mereka memelihara ayam di antara 5 - 10 ekar. Hanya seorang memelihara itik iaitu enam ekor sahaja dan dua orang memelihara angsa iaitu seorang memelihara 3 ekor dan seorang lagi memelihara 2 ekor. Terdapat kurang sekali pemelihara lembu/kerbau. Cuma terdapat seorang memelihara lembu iaitu sebanyak empat ekor. Terdapat lima orang (5%) yang memelihara kambing. Tiap-tiap seorang memelihara kambing di antara 2 - 5 ekor. Dari kategori alat pertanian hanya 7 orang memiliki mesin getah. Mereka yang tidak memiliki mesin getah menumpang memesin getah pada tujuh orang pemilik ini, dengan dikenakan sewa

5:1 Sebaran Pemilikan Harta Simpanan
Oleh 100 Buah Keluarga

| Jenis Simpanan | Bilangan Respondent | Bilangan Respondent Yang Menyimpan | Peratus |
|--------------------|---------------------|------------------------------------|---------|
| Rumah | 100 | 100 | 100 |
| Ternakan | | | |
| a. Lembu/kerbau | 100 | 1 | 1 |
| b. Kambing | 100 | 5 | 5 |
| c. Ayam/itik/angsa | 100 | 93 | 93 |
| Alat Pertanian* | | | |
| a. Mesin Getah | 100 | 7 | 7 |
| Emas | 100 | 6 | 6 |
| Wang Tunai | 100 | 100 | 100 |
| Wang di Bank | 100 | 35 | 35 |
| Kenderaan | | | |
| a. Kereta | 100 | - | - |
| b. Notosikal | 100 | 60 | 60 |
| c. Basikal | 100 | 95 | 95 |

* Alat pertanian yang selalu digunakan dan harganya mahal. Ia tidak termasuk cangkul, pisau penoreh dan lempu suluh.

\$5/- hingga \$10/- sebulan. Pengecualian bayaran kepada teman-teman atau saudara-saudara yang rapat sering berlaku. Ada juga pemilik

mesin getah yang membenarkan sesiapa sahaja menggunakan mesinnya secara percuma dengan tujuan tertentu. Misalnya seorang pemilik mesin getah yang merupakan seorang pembeli getah membenarkan mesinnya digunakan secara percuma dengan harapan dapat menarik penoreh untuk menjual getah kepadanya. Biasanya pengguna mesin getah ini akan menjual getah mereka kepadanya.

Dari jadual di atas juga kita dapati bahawa seramai 100 (100%) menyimpan wang dalam bentuk tunai. Biasanya simpanan ini adalah sementara sahaja. Misalnya bagi penoreh yang tidak dapat menoreh disebabkan hujan mereka akan gunakan wang tersebut. Kadang-kadang wang tersebut digunakan untuk perbelanjaan harian seperti perbelanjaan makan dan persekolahan anak-anak mereka. Terdapat 35% (35 orang) yang menyimpan wang mereka di bank dan hanya 6 orang (6%) sahaja yang menyimpan dalam bentuk emas. Dari kategori kenderaan tiada seorang pun yang memiliki kereta. Terdapat 60 orang (60%) pemilik motosikal dan 95 orang (95%) pemilik basikal.

Dari keterangan di atas kita dapat rumuskan bahawa:-

- i. Kesemua "respondent" memiliki rumah
- ii. Mereka lebih suka memelihara binatang yang kecil-kecil sahaja seperti ayam, itik dan angsa
- iii. Tidak ramai yang memiliki alat pertanian yang "besar" atau mahal seperti mesin getah

- iv. Mereka lebih suka menyimpan wang dalam bentuk tunai dari menyimpan di bank atau menyimpan dalam bentuk emas
- v. Mereka lebih ramai mempunyai kenderaan basikal daripada motosikal atau kereta
- vi. Tiada seorang pun mempunyai kereta; ketiadaan pemilik kereta mungkin disebabkan mereka tidak mampu membelinya atau keadaan jalan di kampung yang tidak memuaskan.

i. Pemilikan Rumah

Setiap manusia memerlukan rumah untuk berlindung dari hujan dan panas serta menetap di sesuatu kawasan, begitulah juga halnya di Mukim Air Baloi ini. Sebagaimana yang di nyatakan di perbincangan awal tadi boleh dikatakan kesemua (100 respondent) memiliki rumah. Ada dua cara bagaimana mereka memiliki rumah, iaitu:-

- a. Mempusakai rumah peninggalan "orang tua" mereka.

Di sini terdapat 5 orang memiliki rumah secara pusaka, semuanya penoreh getah.

- b. Membeli rumah secara bersendirian. Maksudnya sesiapa yang memerlukan rumah maka mereka akan membinanya dengan perbelanjaan sendiri.

Setiap rumah pula mempunyai nilai/harga yang berlainan. Nilai/harga rumah yang dimiliki oleh penduduk di Air Baloi dapat ditunjukkan melalui rajah di bawah ini:-

5:2 Pembahagian Ketua Keluarga Mengikut
Harga/Nilai Rumah Yang Dimiliki

| Harga/Nilai Rumah (\$) | Bilangan | Peratus |
|---------------------------|------------|------------|
| 0 - 500 | - | - |
| 501 - 1000 | 6 | 6 |
| 1001 - 1500 | 13 | 13 |
| 1501 - 2000 | 4 | 4 |
| 2001 - 2500 | 27 | 27 |
| 2501 - 3000 | 2 | 2 |
| 3001 - 4000 | 19 | 19 |
| 4001 - 5000 | 3 | 3 |
| 5001 - 6000 | 5 | 5 |
| 6001 - 7000 | 12 | 12 |
| 7001 - 8000 | 2 | 2 |
| 8001 - 9000 | 5 | 5 |
| 9001 - 10000 | 2 | 2 |
| 1000 Dan Ke Atas | - | - |
| JUNLAH | 100 | 100 |

Dari jadual di atas didapati bahawa tiada seorang pun pemilik rumah yang bernilai di bawah \$5000/-. Terdapat 2 orang (2%)

yang memiliki rumah bernilai \$9000/- hingga \$10000/- seorang peniaga dan seorang lagi tukang masak askar. Terdapat 13 orang (13%) memiliki rumah bernilai di antara \$1001/- hingga \$1500/-, 27 orang (27%) memiliki rumah di antara \$2001/- hingga \$2500/- (kategori pemilik yang teramai), 19 orang (19%) memiliki rumah bernilai di antara \$3000/- hingga \$4000/-, dan 12 orang (12%) memiliki rumah yang bernilai di antara \$6001/- hingga \$7000/-.

Dari jadual di atas dapat dirumuskan bahawa:-

- i. Terdapat lebih ramai pemilik rumah yang memiliki rumah di bawah harga \$5000/-, iaitu seramai 74 orang (74%)
- ii. Terdapat 26 orang (26%) sahaja memiliki rumah bernilai lebih dari \$5000/-

Kedua di atas terjadi oleh beberapa sebab. Antara lainnya:-

- i. Terdapatnya kayu-kayuan untuk mendirikan rumah secara percuma atau harga yang murah. Misalnya, kayu yang digunakan untuk dijadikan tiang atau "kayu gelang" boleh didapati dengan percuma atau mengupah orang lain untuk memebangnya di hutan-hutan yang berhampiran dengan kampung. Hal ini kerap berlaku di tahun-tahun 1960an sebelum hutan tersebut diteroka.

- ii. Tenaga buruh tidak banyak dibayar untuk mendirikan rumah mereka. Misalnya mereka cuma menggajikan seorang tukang rumah yang mahir sedangkan yang lainnya disifatkan sebagai "pembantu" yang dikenali sebagai konsep "bergotong-royong." Biasanya mereka yang membantu ini adalah jiran-jiran yang berhampiran dan sanak-saudara yang rapat.
- iii. Nilai rumah mereka adalah berdasarkan harga masa lampau, iaitu kira-kira tahun 1950an dan 1960an.
- iv. Terdapat rumah yang bernilai tinggi kerana ada di antara mereka yang baru membina rumah dalam jangka masa 5 - 10 tahun yang lalu. Harga kayu dan bahan lain seperti simen, paku dan sebagainya meningkat naik. Di samping itu tidak terdapat lagi kayu-kayan yang percuma yang boleh didapati dari hutan kerana hutan-hutan itu telah diterokai. Oleh/semua bahan seperti kayu, simen, paku dan lain-lain keperluan untuk mendirikan rumah terpaksa dibeli oleh mereka.
- v. Berlakunya pembesaran saiz rumah. Ada di antara

penduduk di sini yang membesarkan saiz rumah atau menambah ruang bilik pada masa sekarang, sedangkan kosnya sekarang adalah tinggi. Misalnya seorang penoreh getah telah menerima pemberian anaknya (seorang guru) sebanyak \$3000/- untuk membesarkan rumah. Menurutnya, dia cuma dapat membesarkan rumahnya dengan menambah ruang rumahnya kira-kira 120 kaki persegi. Wang itu digunakan untuk perbelanjaan membeli kayu, simen dan upah untuk tukang rumah.

(ii) Pemilikan Basikal

Basikal adalah merupakan kenderaan yang penting bagi penduduk Air Baloi, dan digunakan untuk menghubungkan penduduk di luar bandar ini dengan kawasan pekan Air Baloi. Oleh itu tidak hairanlah maka penduduk Air Baloi ramai yang memiliki basikal. Pembahagian keluarga mengikut jumlah basikal yang dimiliki oleh 95 orang (95%) di Air Baloi boleh ditunjukkan dalam jadual 5.3.

Dari jadual ini dapat diperhatikan bahawa terdapat 52 orang (54.74%) memiliki di antara sebuah hingga dua buah basikal. Terdapat 7 orang (7.37%) memiliki basikal di antara 5 - 6 buah basikal. Tiada seorang pun yang memiliki basikal 7 buah dan lebih. Terdapat 36 orang

5:3 Pembahagian Keluarga Mengikut Jumlah Basikal
Yang Dimiliki Oleh 95 Orang

| Jumlah Basikal | Bilangan | Peratus |
|----------------|----------|---------|
| 1 - 2 | 52 | 54.74 |
| 3 - 4 | 36 | 37.89 |
| 5 - 6 | 7 | 7.37 |
| 7 Dan Lebih | - | - |
| JUMLAH | 95 | 100.00 |

(37.89%) memiliki basikal di antara 3 - 4 buah.

Dari keterangan di atas dapatlah dikatakan bahawa keluarga di Air Baloi ramai memiliki basikal di antara 1 - 2 buah dan 3 - 4 buah serta tidak ramai yang memiliki basikal lebih dari lima buah.

Harga Basikal Yang Dimiliki

Jumlah setiap keluarga memiliki basikal kadang kala di tentukan oleh jumlah pengguna bagi sebuah keluarga dan harga basikal yang mampu dibeli oleh sesebuah keluarga itu. Kalau ramai dalam sebuah keluarga memerlukan basikal untuk bekerja atau anak-anak hendak pergi ke sekolah (misalnya sekolah menengah sejauh 4 batu dari kampung ini), maka keluarga itu terpaksa membeli lebih daripada satu. Misalnya seorang peniaga terpaksa membeli basikal

untuk anaknya sebanyak empat buah iaitu dua buah untuk anaknya yang berada di sekolah rendah dan dua buah lagi untuk anaknya pergi ke sekolah menengah. Selain dari itu jika harga basikal itu murah (kurang dari \$50/-) maka sebuah keluarga itu mampu untuk membelinya lebih dari satu. Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa kadar pemilikan basikal bagi penduduk luarbandar Air Baloi adalah bergantung kepada saiz keluarga dan harga basikal itu.

Kedudukan harga/nilai basikal yang dimiliki oleh 95 orang (95%) responden di Mukim Air Baloi bolehlah ditunjukkan melalui jadual di bawah ini:-

5.4 Pembahagian Pemilikan Basikal Oleh 95 Orang
Mengikut Harga/Nilainya

| Harga/Nilai Basikal (\$) | Bilangan | Peratus |
|--------------------------|-----------|---------------|
| 0 - 20 | 3 | 3.15 |
| 21 - 40 | 12 | 12.64 |
| 41 - 60 | 17 | 17.89 |
| 61 - 80 | 22 | 23.16 |
| 81 - 100 | 13 | 13.68 |
| 101 - 150 | 6 | 6.32 |
| 151 - 200 | 14 | 14.74 |
| 201 Dan Lebih | 8 | 8.42 |
| JUMLAH | 95 | 100.00 |

Dari jadual kita dapati bahawa 3 orang (3.15%) memiliki

basikal berharga di antara 0 hingga \$30/-. 8 orang memiliki basikal berharga lebih daripada \$200/-. 67 orang (70.52%) memiliki basikal berharga bawah daripada \$100/- dan 28 orang (29.42%) pemilik basikal berharga lebih dari \$100/-. Harga/nilai basikal yang dimiliki bukanlah berdasarkan sebuah basikal saja malah kesemua basikal yang dimiliki oleh mereka.

Dari keterangan di atas dapat dirumuskan bahawa:-

- i. Remai dapat memiliki basikal kerana harga basikal adalah murah (kurang dari \$100/-).
- ii. Tidak ramai yang memiliki basikal yang berharga lebih dari \$100/- iaitu seramai 28 orang (29.52%)

Terjadinya penilaian yang berbeza adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antara lainnya ialah:-

- i. Mereka yang memiliki basikal berharga kurang dari \$100/- cuma memiliki sebuah atau dua buah basikal sahaja.
- ii. Mereka yang memiliki basikal berharga lebih dari \$100/- memiliki lebih dari dua atau tiga buah basikal
- iii. Mereka yang memiliki basikal baru walaupun jumlahnya

kurang dari 2 atau 3 buah basikal tetapi harganya adalah mahal. Misalnya seorang penoreh membeli sebuah basikal untuk anaknya jenis "seven up" berharga \$180/-

Sebab-Sebab Mereka Memiliki Basikal Dengan Harga Yang Murah

Adalah beberapa sebab kenapa mereka memiliki basikal dengan harga yang murah. Antara lainnya:-

- i. Mereka membeli basikal "separuh tubuh" atau dengan kata lainnya mereka membeli basikal yang sudah buruk. Biasanya penjual itu adalah terdiri dari jiran sekampung. Misalnya sesebuah keluarga mendapati basikal mereka "berlebihan" maka mereka akan menjualkan yang mana mereka tidak perlukan lagi kepada jiran sekampung mereka dengan harga yang murah (\$20/- hingga \$40/- sebuah)
- ii. Ada agen penjual basikal yang menjual basikal "second hand" di pekan Air Baloi. Misalnya ada seorang tukang basikal (berbangsa Melayu) di pekan Air Baloi yang menjadikan bengkelnya untuk menjual basikal baru dan lama selain dari peranan bengkelnya untuk memperbaiki basikal penduduk Air Baloi yang rosak. Biasanya basikal "second hand" ini boleh didapati dengan

harga \$40/- hingga \$80/- sebuah.

Peranan Basikal Kepada Masyarakat Air Baloi

Basikal memainkan peranan yang amat penting bagi penduduk

luarbandar di Air Baloi. Antara lain peranannya ialah:-

- i. Sebagai kenderaan yang menghubungkan penduduk di pedalaman dengan pekan Air Baloi terutamanya untuk anak-anak yang bersekolah di pekan Air Baloi.
- ii. Sebagai kenderaan yang digunakan oleh penduduk untuk pergi ke kebun getah, kebun nenas dan kelapa sawit yang jauh dari rumah mereka. Misalnya seorang penoreh berumur 45 tahun berulang alik ke kebun getahnya (yang sejauh 3 batu dari rumahnya) dengan menaiki basikal.
- iii. Sebagai kenderaan untuk mengangkut hasil penduduk keluar dari kebun atau kampung untuk dipasarkan. Bagi penoreh getah, basikal digunakan untuk mengangkut susu getah atau getah keping ke tempat memasin getah dan ke tempat menjual getah. Bagi pekebun nenas basikal digunakan untuk

mengangkut dan mengumpul buah nenas ke suatu kawasan yang dijanjikan oleh pembeli. Biasanya nenas-nenas mereka diletakkan di tepi jalan raya (tanah merah) di dalam kampung itu sebelum kenderaan lain (lori atau kereta) mengangkutnya ke tempat lain (tempat pemasaran). Begitulah juga halnya dengan pekebun kelapa sawit.

Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa pemilikan basikal di kalangan penduduk di sini adalah satu keperluan dan bukannya sebagai "status symbol".

iii. Pemilikan Motosikal

Selain dari memiliki basikal, penduduk di sini juga memiliki motosikal. Peranan motosikal hampir sama dengan peranan basikal, cuma motosikal boleh menghubungkan pemiliknya dengan bandar Pontian, Batu Pahan, Johor Bharu dan ke tempat-tempat lain. Dengan memiliki motosikal kerja-kerja pengangkutan hasil dari kampung adalah lebih cepat jika dibandingkan dengan peranan yang dimainkan oleh basikal. Misalnya dengan menggunakan basikal kerja-kerja itu mungkin siap dalam masa dua jam tetapi dengan menggunakan motosikal kerja-kerja itu boleh siap dalam masa sejam.

Ada beberapa faktor yang membolehkan setengah daripada penduduk di sini memiliki motosikal. Antara lainnya ialah:-

- i. Kemampuan bagi setengah penduduk di sini untuk membeli motosikal tersebut. Misalnya bagi mereka yang bekerja di luar sektor pertanian mampu kerana mereka boleh membelinya secara beransur-ansur. Biasanya mereka ini lebih dipercayai berhutang dari mereka yang bekerja dalam sektor pertanian oleh pengedar motosikal
- ii. Lebihan pendapatan yang dimiliki oleh mereka. Jika mereka memperolehi pendapatan lebih lumayan maka mereka ini sudah pasti mampu membelinya. Misalnya dua orang peniaga yang berpendapatan lebih dari \$400/- sebulan sudah pasti mampu memilikinya. Tambahan pula motosikal itu perlu untuknya mengangkut barang-barang runcit ke kedai mereka di kampung.
- iii. Jenis pekerjaan yang dilakukan. Jenis pekerjaan yang dilakukan juga mempengaruhi pemilikan motosikal. Misalnya seorang pekebun kelapa sawit tidak boleh mengangkut buah kelapa sawit (yang setandan beratnya lebih kurang 150 kati) keluar dari kebunnya dengan menggunakan basikal kerana

adalah "di luar kemampuan" basikal itu untuk mengangkutnya. Jadi, sebuah motosikal di perlukan untuk mengangkut hasil kelapa sawit itu.

- iv. Perasaan bangga kerana memilikinya. Misalnya anak-anak muda yang bekerja di luar pertanian berminat untuk membeli motosikal kerana kononnya senang untuk "enjoy" walaupun ia tidak begitu diperlukan untuk soal-seal yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi pertanian
- v. Kebanyakan mereka tidak membayar insuran dan cukai. Ada setengah dari mereka yang menggunakan motorsikal untuk pergi dari kampung ke pekan Air Baloi tanpa memiliki lesen memandu, tanpa membayar cukai jalan dan insuran. Menurut dari setengah penduduk di sini, mereka tidak bimbang tentang hal (lesen, cukai jalan dan insuran) ini kerana ia digunakan hanya dalam kampung dan jarang sekali polis mendakwa kesalahan mereka. Kebanyakan mereka (60%) memiliki motosikal keluaran Singapura. Oleh kerana beban membayar lesen memandu, cukai jalan dan insuran ini tidak dirasakan oleh mereka, setengah dari penduduk di sini memiliki motosikal, di samping sebab-sebab yang disebutkan di atas tadi.

Penyebaran pemilikan motosikal bagi 60 orang (60%) ketua keluarga dapat ditunjukkan di bawah ini:-

5:5 Pembahagian Pemilikan Motosikal Oleh 60 Orang Mengikut Nilai/Marganya

| Harga/Nilai Motosikal (\$) | Bilangan | Peratus |
|----------------------------|-----------|---------------|
| 0 - 200 | 4 | 6.67 |
| 201 - 400 | 3 | 5.00 |
| 401 - 600 | 7 | 11.67 |
| 601 - 800 | 12 | 20.00 |
| 801 - 1000 | 8 | 13.32 |
| 1001 - 1500 | 4 | 6.67 |
| 1501 - 2000 | 12 | 20.00 |
| 2001 - 2500 | 6 | 10.00 |
| 2501 - 3000 | 3 | 5.00 |
| 3001 Dan Lebih | 1 | 1.67 |
| JUNLAH | 60 | 100.00 |

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat 4 orang (6.67%) yang memiliki motosikal bernilai 0 hingga \$200/- dan seorang memiliki motosikal berharga lebih dari \$3000/-. Terdapat 34 orang (56.66%) pemilik motosikal bernilai kurang dari \$1000/-, 16 orang (26.67%) pemilik motosikal bernilai di antara \$1000/- hingga \$2000/- dan terdapat 10 orang (16.67%) memiliki motosikal bernilai lebih dari \$2000/-. Pemilik motosikal yang paling ramai

sekali ialah di dalam kategori yang bernilai di antara \$600/- hingga \$800/- dan bernilai di antara \$1501/- hingga \$2000/- yang masing-masing berjumlah 12 orang (20%).

Oleh itu dapatlah dikatekan bahawa rasmi di antara pemilik motosikal di Air Baloi adalah yang bernilai di bawah harga \$1000/- (34 orang atau 56.66%). Semasa kajian dijalankan penulis mendapati setiap ketua keluarga hanya memiliki sebuah motosikal. Pemilik motosikal yang bernilai lebih dari \$3000/- ialah seorang peniaga yang memiliki motosikal jenis SUZUKI (350 c.c.).

iv. Wang Simpanan

Wang simpanan adalah penting bagi penduduk bandar mahupun luarbandar apabila menghadapi keadaan kecemasan atau kesulitan. Lazimnya cara menyimpan adalah berbeza. Misalnya penduduk di bandar lebih suka menyimpan di bank tetapi penduduk di luarbandar lebih suka menyimpan dalam bentuk wang tunai (simpan di rumah sendiri) dan dalam bentuk emas.

Biasanya mereka menyimpan mengikut kemampuan atau lebihan pendapatannya setelah ditolak semua perbelanjaan sepatutnya.

Gambaran simpanan wang yang dibuat oleh penduduk Air Baloi boleh ditunjukkan dalam jadual di sebelah.

5.6 Pembahagian Mengikut Jumlah Simpanan
Dan Jenis Simpanan

| Jenis Simpanan Simpanan (\$) | Emas | | Wang Tunai | | Bank | |
|---------------------------------|----------|---------------|------------|------------|-----------|---------------|
| | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % |
| 0 - 50 | - | - | 61 | 61 | - | - |
| 51 - 100 | 1 | 16.67 | 12 | 12 | 2 | 5.71 |
| 101 - 150 | 2 | 33.32 | 16 | 16 | 2 | 5.71 |
| 151 - 200 | 1 | 16.67 | 11 | 11 | - | - |
| 201 - 250 | 1 | 16.67 | - | - | 3 | 8.57 |
| 251 - 300 | 1 | 16.67 | - | - | 4 | 11.43 |
| 301 - 400 | - | - | - | - | - | - |
| 401 - 500 | - | - | - | - | 2 | 5.71 |
| 501 - 700 | - | - | - | - | 14 | 40.00 |
| 701 - 900 | - | - | - | - | 3 | 8.57 |
| 901 - 1100 | - | - | - | - | 4 | 11.43 |
| 1101 - Dan Lebih | - | - | - | - | 1 | 2.87 |
| JUMLAH | 6 | 100.00 | 100 | 100 | 35 | 100.00 |

Dari jadual di atas kita dapati penyimpan dalam bentuk emas adalah tidak ramai iaitu seorang (16.67%) menyimpan emas yang bernilai di antara \$51/- hingga \$100/-, dua orang (33.32%) menyimpan dalam bentuk emas yang bernilai di antara \$101/- hingga \$150/-, seorang memiliki emas yang bernilai di antara \$151/- hingga \$200/-, seorang memiliki emas yang bernilai di antara \$201/- hingga \$250/-

dan seorang memiliki emas yang bernilai di antara \$251/- hingga \$300/-. Dari jenis simpanan wang tunai terdapat 61 orang (61%) yang menyimpan di antara, 0 hingga \$50/- dan terdapat 11 orang (11%) yang menyimpan di antara \$151/- hingga \$200/- serta yang lainnya menyimpan di antara \$51/- hingga \$100/- (12 orang) dan di antara \$101/- hingga \$150/- (16 orang). Dari kategori yang menyimpan di bank lebih ramai menyimpan di antara \$500/- hingga \$700/- iaitu seramai 14 orang (40%). Terdapat seorang sahaja yang menyimpan lebih dari \$1000/-. Beliau ialah seorang tukang masak askar. Terdapat 2 orang (5.71%) yang menyimpan di bank bernilai di antara \$51/- hingga \$100/-.

Dari keterangan di atas dapat kita rumuskan bahawa:-

- i. Mereka lebih suka menyimpan dalam bentuk wang tunai yang disimpan di rumah mereka sendiri. Tidak ramai yang menyimpan dalam bentuk emas atau menyimpan di bank.
- ii. Kadar wang yang mereka simpan adalah tinggi di dalam kategori yang menyimpan di bank. Misalnya terdapat 22 orang (63.58%) yang menyimpan di bank lebih dari \$500/-. Tetapi penyimpanan dalam bentuk emas yang paling tinggi ialah di antara \$251 - \$300/- dan penyimpanan dalam bentuk wang tunai yang paling tinggi ialah di antara \$151/- hingga \$200/-.

Kadaan di atas berlaku di Air BaloI oleh beberapa sebab. Antara lainnya ialah:-

- i. Bagi mereka yang menyimpan emas kurang penyimpanannya kerana mereka tidak bergantung kepada emas (yang dipakai) untuk mengatasi kesulitan kewangan mereka. Kadaan ini berlainan dengan setengah tempat di mana emas dijadikan sandaran di kedai pajak gadai untuk mendapatkan wang. Mereka memiliki emas semata-mata untuk hiasan isteri dan anak-anak mereka. Tetapi tidak semuanya berbuat demikian. Misalnya seorang responden ada menyatakan yang beliau pernah menyandarkan emas isterinya beberapa kali kerana kesulitan untuk perbelanjaan persekolahan anaknya. Oleh itu ada sebahagian kecil menganggap memiliki emas adalah penting bagi mereka dan sebahagian besarnya tidak suka memiliki emas kerana sebab-sebab yang disebutkan tadi. Mereka juga kurang memiliki emas kerana emas mahal harganya dan mereka tidak mampu membelinya.
- ii. Terdapat ramai menyimpan dalam bentuk wang tunai kerana mereka dapati cara ini adalah mudah. Kalau wang ada di tangan bagi mereka adalah senang untuk berbelanja. Lagi pun wang

tunai (wang runcit) perlu bagi mereka untuk perbelanjaan harian seperti belanja makanan dan persekolahan anak-anak. Bagi mereka yang menoreh misalnya tidak menjualkan hasil getahnya tiap-tiap hari. Biasanya mereka keringkan getah itu sampai seminggu baru dijual. Getah kering adalah lebih tinggi harga dan hasil pendapatannya jika dibandingkan dengan "getah basah". Dengan itu wang tunai yang disimpan dibelanjakan sehingga getah kering mereka itu dijual. Hampir 75% dari penoreh getah di sini berbuat demikian.

- iii. Penyimpan di bank tidak ramai disebabkan mereka tidak mempunyai wang yang lebih untuk disimpan, bank untuk menyimpan terlalu jauh dan ada yang buta huruf, menyebabkan mereka tidak tahu bagaimana untuk menyimpan wang di bank. Biasanya di kampung ini terdapat "Pejabat Pos Bergerak" untuk menggalakkan penduduk di sini menyimpan wang. Pegawai Bank Simpanan Nasional ini biasanya datang dua kali seminggu. Sungguhpun ada "bank bergerak" yang datang tetapi mereka tidak juga menyimpan. Keadaan ini mungkin ada kaitan dengan sebab (ii). Selain dari itu ada yang menyatakan simpanan di bank adalah menyusahkan. Misalnya kalau berlaku

kesulitan untuk mendapatkan wang susah pula untuk mengambilnya kerana bank itu terlalu jauh. Kebanyakan bank berpusat di bandar Pontian dan Johor Bharu. Oleh itu mereka lebih suka menyimpan dalam bentuk wang tunai yang "simple" dan menyenangkan.

II Pelajaran

Pelajaran adalah merupakan suatu faktor penting yang menentukan corak pekerjaan dan pendapatan seseorang. Misalnya, bagi mereka yang berpendidikan tinggi akan memperolahi kedudukan pekerjaan yang baik (seperti guru, pegawai tadbir, kerani dan sebagainya). Apabila mereka mempunyai pekerjaan yang baik sudah pasti pendapatan mereka juga lebih lumayan (tinggi) dan sudah pasti dapat meningkatkan lagi status-quonya. Oleh itu penulis rasakan aspek pelajaran adalah perlu dikaji di dalam masyarakat luarbandar di Air Baloi.

1. Tingkat Pelajaran Ketua Keluarga

Kedudukan tingkat/caraf pelajaran yang diterima oleh ketua keluarga di Air Baloi boleh ditunjukkan melalui jadual di sebelah.

5:7 Tingkat Pelajaran Ketua Keluarga

| Tingkat Pelajaran | Dalam Pertanian | | Luar Pertanian | | Tidak Bekerja | |
|-------------------------|-----------------|-----------|----------------|-----------|---------------|----------|
| | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % |
| Tingkatan 3 | 2 | 2 | - | - | - | - |
| Tingkatan 2 | 0 | 0 | - | - | - | - |
| Tingkatan 1 | 3 | 3 | - | - | - | - |
| Darjah 6 | 13 | 13 | 8 | 8 | - | - |
| Darjah 5 | 10 | 10 | 1 | 1 | - | - |
| Darjah 4 | 14 | 14 | 3 | 3 | - | - |
| Darjah 3 | 8 | 8 | 2 | 2 | - | - |
| Darjah 2 | 3 | 3 | - | - | - | - |
| Darjah 1 | 2 | 2 | - | - | - | - |
| Sekolah Arab | 12 | 12 | - | - | 2 | 2 |
| Tidak Pernah Bersekolah | 17 | 17 | - | - | 2 | 2 |
| JUMLAH | 84 | 84 | 14 | 14 | 2 | 2 |

Dalam Pertanian

Dari jadual di atas dapat diperhatikan bahawa terdapat 5 orang (5%) dari jumlah 100 responden yang menerima pendidikan di peringkat menengah rendah. Kesemua mereka ini menerima pendidikan selepas negara Malaysia mencapai kemerdekaan. Terdapat 62 orang (62%) dari jumlah 100 responden yang menerima pendidikan di sekolah rendah dan

17 orang (17%) tidak pernah bersekolah. Terdapat 12 orang (12%) yang menerima pendidikan sekolah Arab tetapi cuma di peringkat rendah sahaja (darjah satu hingga enam), hanya 2 orang (2%) yang menerima pendidikan menengah yang paling tinggi iaitu tingkatan tiga; dan 13 orang menerima pendidikan sekolah rendah yang paling tinggi iaitu darjah enam. Kebanyakan mereka menerima pendidikan hanya ke peringkat darjah 3 (8 orang), darjah 4 (14 orang), darjah 5 (10 orang), darjah enam (13 orang) dan sekolah rendah Arab (12 orang).

Luar Pertanian

Dari jadual di atas juga dapat diperhatikan bahawa tiada seorang pun yang menerima pendidikan hingga ke peringkat menengah. Mereka hanya menerima pelajaran di peringkat rendah. Terdapat 8 orang (8%) dari jumlah 100 responden yang bekerja di luar sektor pertanian menerima pendidikan hingga ke darjah 6. Dua orang daripadanya ialah peniaga, seorang tukang masak askar dan lima orang buruh. Terdapat seorang menerima pelajaran hingga ke darjah lima, iaitu seorang jaga, 3 orang berpendidikan hingga ke darjah 4, iaitu seorang pemandu bas, seorang tukang rumah dan seorang buruh. Hanya terdapat dua orang yang menerima pendidikan hingga ke darjah 3 iaitu seorang buruh dan seorang bidan.

Dari keterangan di atas dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan ketua keluarga menerima pendidikan hanya di peringkat rendah samada mereka bekerja di dalam sektor pertanian atau pun di luar sektor

pertanian. Keadaan ini berlaku kerana beberapa faktor.¹⁹ Antara lainnya ialah:-

- i. Sistem penjajahan yang tidak mendorong anak-anak mereka itu melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Penjajah hanya menggalakkan anak orang kenamaan atau "orang besar" sahaja melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah iaitu di dalam aliran Inggeris. Bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah Inggeris dikenakan yuran yang agak tinggi. Dengan ini hilanglah dorongan dan kemampuan mereka untuk menghantar anak mereka ke sekolah menengah Inggeris.
- ii. Nilai sosio-budaya orang Melayu. Orang Melayu adalah beragama Islam sedangkan Inggeris adalah beragama Keristian. Mereka bimbang menghantar anak mereka ke sekolah menengah Inggeris kerana bimbang anak-anak mereka dipengaruhi oleh unsur-unsur atau ajaran Keristian.
- iii. Sikap mereka terhadap pelajaran. Bagi mereka ketika itu pelajaran yang berunsur Barat tidak penting bagi anak-anak mereka. Mereka hanya menekankan anak-anak mereka supaya belajar

tenaga manusia digunakan, semakin tinggi hasil yang diperolehi. Sesiapa yang mempunyai ramai anak akan memperolehi tenaga yang lebih. Oleh itu mereka lebih suka anak mereka bekerja bersama mereka daripada belajar di sekolah.

ii. Tingkat Pelajaran Anak-Anak

Setelah kita meninjau tingkat/taraf pelajaran yang diterima oleh ketua keluarga di Air Baloi, marilah kita meninjau pula tingkat/taraf pelajaran anak-anak mereka pula. Kedudukan taraf pelajaran anak-anak mereka dapat ditunjukkan di dalam rajah 5:8.

Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa 319 orang (53.18%) anak mereka yang masih menuntut di sekolah dan di institusi pengajian tinggi. Terdapat seramai 287 orang (47.84%) anak mereka yang masih menuntut tinggal di kampung dan 32 orang (5.34%) anak mereka yang masih menuntut tinggal di luar kampung. Terdapat 4 orang anak mereka yang masih menuntut di **Universiti** (seorang di **Universiti Malaya**, 2 orang di **Universiti Kebangsaan Malaysia** dan seorang di **Universiti Pertanian Malaysia**). Terdapat juga 8 orang anak mereka berada di **Maktab Perguruan** (4 orang berada di **Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bharu**, 2 orang di **Maktab Perguruan Kinta, Ipoh**, seorang di **Maktab Raja Melewar,**

5:8 Tingkat Pelajaran Anak-Anak

| | Sedang Menuntut | | | | Telah Tamat Menuntut | | | |
|-----------------------------|-----------------|--------------|-----------------|-------------|----------------------|--------------|-----------------|--------------|
| | Anak Yang Ting- | | Anak Yang Ting- | | Anak Yang Ting- | | Anak Yang Ting- | |
| | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % |
| Univ./Inst. Peng. Tinggi | - | - | 4 | 0.66 | - | - | 2 | 0.33 |
| Maktab Perguruan | - | - | 8 | 1.33 | 2 | 0.33 | 3 | 0.50 |
| Tingkatan 6 Atas | - | - | 1 | 0.17 | 4 | 0.67 | 2 | 0.33 |
| Tingkatan 6 Rendah | - | - | 1 | 0.17 | - | - | 2 | 0.33 |
| Tingkatan 5 | 19 | 3.17 | - | - | 14 | 2.33 | 34 | 5.67 |
| Tingkatan 4 | 30 | 5.00 | - | - | - | - | - | - |
| Tingkatan 3 | 35 | 5.83 | 1 | 0.17 | 45 | 7.70 | 52 | 8.68 |
| Tingkatan 2 | 16 | 2.67 | 1 | 0.17 | 5 | 0.83 | 8 | 1.33 |
| Tingkatan 1 | 20 | 3.33 | - | - | 2 | 0.33 | 3 | 0.50 |
| Darjah 6 | 12 | 2.00 | - | - | 16 | 2.67 | 36 | 6.00 |
| Darjah 5 | 10 | 1.67 | - | - | 8 | 1.33 | 14 | 2.33 |
| Darjah 4 | 13 | 2.17 | - | - | 6 | 1.00 | 5 | 0.83 |
| Darjah 3 | 15 | 2.50 | - | - | - | - | - | - |
| Darjah 2 | 21 | 3.50 | - | - | - | - | - | - |
| Darjah 1 | 20 | 3.33 | - | - | - | - | - | - |
| Sek. Arab | 24 | 4.00 | 1 | 0.17 | 11 | 1.83 | 7 | 1.17 |
| Belum Sekolah | 52 | 8.67 | 15 | 2.50 | - | - | - | - |
| JUMLAH | 287 | 47.84 | 32 | 5.34 | 113 | 18.82 | 168 | 28.00 |

Seremban dan seorang di Maktab Perguruan Lembah Pantai, Kuala Lumpur). Ada 2 orang menuntut di tingkatan enam rendah dan enam atas, keduanya tinggal di Johor Bharu kerana bersekolah di sana. 120 orang (20%) menuntut di antara tingkatan satu hingga ke tingkatan lima yang tinggal di kampung; 91 orang (15.17%) yang menuntut di antara darjah 1 hingga ke darjah 6 yang tinggal di kampung; dan 24 (40%) orang yang menuntut di sekolah Arab yang tinggal di kampung dan 52 orang (8.67%) anak mereka yang masih belum bersekolah. Terdapat juga seorang penuntut yang masih menuntut di Sekolah Menengah Sains Johor (tingkatan 3) dan seorang lagi sedang menuntut di Sekolah Menengah Sains Pahang. Seorang sedang menuntut di Sekolah Menengah Maahad di Johor Bharu.

Terdapat juga 15 orang anak yang masih belum bersekolah tinggal di luar kampung. Mereka ini tinggal bersama saudara mara. 8 orang daripadanya tinggal bersama datuk di tempat lain, 2 orang tinggal bersama dengan bapa saudara, 3 orang tinggal bersama dengan anak saudara dan 2 orang tinggal bersama dengan kakak.

Dari jadual di atas kita dapati juga bahawa 113 orang (18.82%) yang telah tamat menuntut tinggal di kampung dan 168 orang (28%) telah keluar meninggalkan kampung. Terdapat 2 orang atau 0.33% (pegawai tadbir) yang telah tamat pengajian di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. 5 orang lepasan Maktab Perguruan di mana 2 orang masih tinggal di kampung dan 3 orang tinggal di luar kampung. Terdapat 6 orang anak mereka yang telah tamat

pengajian di tingkatan enam atas iaitu 4 orang tinggal di kampung dan 2 orang tinggal di luar kampung (seorang kerani dan seorang juruteknik). Terdapat 2 orang lepasan pemuntut tingkatan enam rendah tinggal di luar kampung. Kedua-dua mereka telah menjadi kerani. Mereka tidak melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam atas kerana mendapat tawaran pekerjaan. Terdapat 66 orang (10.99%) mereka yang telah tamat persekolahan di antara tingkatan 1 - 5 tinggal di kampung dan terdapat 97 orang (16.18%) yang telah tamat persekolahan di antara tingkatan 1 - 5 yang tinggal di luar kampung. Terdapat 30 orang (5%) yang telah tamat persekolahan di antara darjah 1 hingga darjah 6 yang tinggal di kampung dan terdapat 45 orang (9.16%) tinggal di luar kampung. Terdapat 11 orang (1.83%) yang telah tamat pengajian di sekolah Arab tinggal di kampung dan terdapat 7 orang (1.17%) yang telah tamat pengajian di sekolah Arab tinggal di luar kampung.

Berdasarkan dari keterangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa:-

- i. Kebanyakan anak-anak penduduk di Air Baloi masih lagi menuntut di bangku sekolah dan di institusi pengajian tinggi
- ii. Ramai di antara mereka yang telah tamat persekolahan di peringkat menengah (tingkatan 1 - 5)

iii. Kebanyakan anak-anak mereka yang masih menuntut tinggal di kampung sendiri

iv. Kebanyakan mereka yang telah tamat persekolahan tinggal di luar kampung

iii. Tingkat Persekolahan Anak-Anak Yang Masih Berada Di Bangku Sekolah Mengikut Aliran

Ada tiga peringkat persekolahan anak-anak di Air Baloi. Peringkat-peringkat tersebut ialah peringkat sekolah rendah, peringkat sekolah menengah rendah dan peringkat sekolah menengah. Peringkat sekolah rendah ialah bagi anak-anak yang menuntut di antara darjah 1 - 6, peringkat sekolah menengah rendah ialah bagi anak-anak yang sedang menuntut di antara tingkatan 1 - 3 dan peringkat sekolah menengah ialah bagi anak-anak yang sedang menuntut di antara tingkatan 4 hingga ke tingkatan enam rendah dan enam atas.

Kedudukan tingkat atau taraf persekolahan anak-anak di Air Baloi yang masih lagi di bangku sekolah boleh ditunjukkan dalam jadual 5:9.

Dalam Pertanian

Dari jadual di bawah dapat dikesan bahawa ramai (60 orang

5:9 Anak-Anak Yang Sedang Bersekolah
Mengikut Aliran Sekolah Yang Dihadiri

| Sektor | Dalam Pertanian | | | | Luar Pertanian | | | |
|-------------------------|--------------------------|--------------|-------------------------------|-------------|--------------------------|--------------|-------------------------------|----------|
| | Anak Yang Tinggal Di Kg. | | Anak Yang Tinggal Di Luar Kg. | | Anak Yang Tinggal Di Kg. | | Anak Yang Tinggal Di Luar Kg. | |
| Aliran | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % |
| Sek. Rendah | | | | | | | | |
| Melayu | 60 | 25 | - | - | 31 | 12.93 | - | - |
| Inggeris | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Arab | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Sek. Men. Rendah | | | | | | | | |
| Melayu | 48 | 20 | 2 | 0.83 | 23 | 9.58 | - | - |
| Inggeris | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Arab | 9 | 3.75 | 1 | 0.42 | 15 | 6.25 | - | - |
| Sek. Menengah | | | | | | | | |
| Melayu | 41 | 17.08 | 2 | 0.83 | 8 | 3.33 | - | - |
| Inggeris | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Arab | - | - | - | - | - | - | - | - |
| JUMLAH | 158 | 65.83 | 5 | 2.08 | 77 | 32.09 | - | - |

atau 25%) dari anak mereka masih menuntut di sekolah rendah dari aliran Melayu (Bahasa Malaysia). Kemudian diikuti pula oleh mereka yang menuntut di peringkat sekolah menengah rendah (48 orang atau 20%) dari aliran Melayu (Bahasa Malaysia) dan 41 orang (17.08%)

di peringkat sekolah menengah dari aliran Melayu (Bahasa Malaysia). Cuma terdapat 9 orang (3.75%) penuntut di peringkat sekolah menengah rendah dari aliran Arab. Kesemua mereka yang disebutkan di atas tadi masih tinggal di kampung. Terdapat 2 orang yang bersekolah di peringkat sekolah menengah rendah dari aliran Melayu iaitu seorang tinggal di asrama Sekolah Menengah Sains Johor dan seorang di Asrama Sekolah Menengah Sains Pahang. Terdapat dua orang penuntut sekolah menengah yang tinggal di bandar Johor Bharu kerana sedang belajar di tingkatan enam rendah dan enam atas. Cuma terdapat seorang yang menuntut di peringkat sekolah menengah rendah dari aliran Arab yang tinggal di Asrama Sekolah Menengah Maahad, Johor Bharu.

Luar Pertanian

Dari jadual di atas juga dapat diperhatikan bahawa terdapat 31 orang (12.93%) penuntut di peringkat sekolah rendah, 23 orang (9.56%) menuntut di peringkat sekolah Menengah rendah dan 8 orang (3.33%) menuntut di sekolah menengah. Kesemua mereka yang disebutkan tadi adalah dari aliran Melayu (Bahasa Malaysia). Terdapat 15 orang penuntut di peringkat sekolah menengah rendah dari aliran Arab, kesemuanya masih tinggal di kampung. Kesemua penuntut dari aliran Arab tinggal di kampung sendiri kerana sekolah mereka dekat (kira-kira 3 batu) iaitu di Sekolah Menengah Arab Tampok (yang terletak di Mukim Benut). Tiada seorang penuntut dari keluarga yang bekerja di luar sektor pertanian yang tinggal di luar kampung.

Dari keterangan di atas dapatlah dikatakan bahawa ramai daripada anak mereka masih berada di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Kebanyakan mereka pula mengikuti aliran Melayu (Bahasa Malaysia) kecuali 15 orang anak mereka yang bekerja di luar pertanian menuntut dalam aliran Arab.

iv. Aliran Persekolahan Anak-Anak Yang Sedang Bersekolah Mengikut Pendapat Ketua Keluarga

Ada dua aliran penting bagi penuntut-penuntut di Air Beloi iaitu aliran Melayu (Bahasa Malaysia) dan aliran Arab. Aliran Bahasa Malaysia (aliran Melayu) adalah mereka yang memasuki persekolahan yang menggunakan Bahasa Malaysia (Bahasa Melayu) sebagai "bahasa pengantar" yang utama dan aliran Arab ialah bagi mereka yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa utama dalam pengajian mereka. Ini tidak pula membawa maksud mereka mengenyepikan Bahasa Malaysia, tetapi Bahasa Malaysia hanya dijadikan sebagai syarat untuk lulus peperiksaan dan mendapatkan sijil (SRP/SPM).

Kedudukan aliran persekolahan anak-anak di Air Beloi mengikut pendapat ketua keluarga boleh ditunjukkan melalui rajah di bawah:-

5:10 Aliran Persekolahan Yang Dihediri Oleh
Anak-Anak Yang Masih Bersekolah
Mengikut Pendapatan Ketua Keluarga

| Sektor Pendapatan (\$) | Dalam Pertanian | | | | | | Luar Pertanian | | | | | |
|------------------------------|-----------------|-----|------|-----|------|-----|----------------|-----|------|-----|------|-----|
| | Sek. | | S.M. | | Ren. | | Sek. | | S.M. | | Ren. | |
| | M | I A | M | I A | M | I A | M | I A | M | I A | M | I A |
| 0 - 50 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 51 - 100 | 25 | - | - | 15 | - | 12 | 17 | - | - | - | - | - |
| 101 - 150 | 7 | - | - | 8 | - | - | 10 | - | - | 6 | - | - |
| 151 - 200 | 10 | - | - | 12 | - | 6 | 8 | - | - | 4 | - | - |
| 201 - 250 | 6 | - | - | 8 | - | - | 3 | - | - | 7 | - | - |
| 251 - 300 | 5 | - | - | 2 | - | 3 | - | - | - | 3 | - | - |
| 301 - 350 | 5 | - | - | 2 | - | - | 2 | - | - | 2 | - | - |
| 351 - 400 | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | 5 | - | - |
| 401 - 500 | - | - | - | 1 | - | - | 3 | - | - | 4 | - | - |
| 501 Dan Ke Atas | 2 | - | - | 1 | - | - | - | - | - | - | - | - |
| JUMLAH | 60 | - | - | 50 | - | 10 | 43 | - | - | 31 | - | - |

Nota: M = Melayu

I = Inggeris

A = Arab

Dalam Pertanian

Dari keterangan di atas dapatlah diperhatikan bahawa terdapat 60 orang (25%) dari 240 orang (jumlah semua yang menuntut) yang masih menuntut di bangku sekolah di peringkat sekolah rendah dari aliran

Melayu dan 10 orang (4.17%) dari aliran Arab dan 43 orang (17.92%) menuntut di peringkat menengah. Di peringkat sekolah rendah bagi kategori pendapatan di antara \$51/- hingga \$100/- lebih ramai iaitu seramai 25 orang dan kategori pendapatan \$500/- ke atas hanya 2 orang sahaja. Di peringkat sekolah menengah rendah terdapat 15 orang penuntut dari kategori pendapatan di antara \$51/- hingga \$100/- dan 12 orang dari kategori pendapatan di antara \$151/- hingga \$200/- (kesemuanya dari aliran Melayu). Bagi mereka yang dari aliran Arab terdapat 2 orang dari kategori pendapatan di antara \$51/- hingga \$100/-. Bagi penuntut di peringkat menengah pula kategori pendapatan \$51/- hingga \$100/- adalah seramai 17 orang dan pendapatan di antara \$101/- hingga \$150/- adalah seramai 10 orang.

Luar Pertanian

Dari jadual di atas juga dapat diperhatikan anak-anak mereka ramai dari kategori pendapatan lebih dari \$100/-. Terdapat 10 orang dari kategori pendapatan di antara \$101/- hingga \$200/-, 10 orang dari kategori pendapatan di antara \$201/- hingga \$300/-, 7 orang dari kategori pendapatan di antara \$301/- hingga \$400/- dan 4 orang dari kategori pendapatan lebih dari \$400/-. Di peringkat sekolah menengah rendah terdapat 5 orang penuntut dari kategori pendapatan di antara \$151/- hingga \$200/-, 8 orang dari kategori pendapatan di antara \$201/- hingga \$300/-, 5 orang dari kategori pendapatan di antara \$301/- hingga \$400/- dan 5 orang dari kategori pendapatan lebih dari \$400/-. Di peringkat menengah rendah dari aliran Arab

pula terdapat 10 orang penuntut dari kategori pendapatan di antara \$201/- hingga \$300/-, 3 orang dari kategori pendapatan di antara \$301/- hingga \$350/- dan 2 orang dari kategori pendapatan lebih dari \$500/-. Bagi peringkat menengah pula terdapat dua orang penuntut dari kategori pendapatan di antara \$251/- hingga \$300/-, 3 orang dari kategori pendapatan di antara \$301/- hingga \$350/- dan 3 orang dari kategori pendapatan lebih dari \$500/-.

Dari keterangan di atas dapat dirumuskan bahawa:-

- i. Anak-anak dalam sektor pertanian lebih ramai di aliran Melayu iaitu 60 orang peringkat sekolah rendah, 50 orang di peringkat sekolah menengah rendah dan 43 orang di peringkat menengah. Walau bagaimanapun sektor luar pertanian ternyata lebih ramai penuntut dari aliran Arab (15 orang) jika dibandingkan dengan penuntut aliran Arab di dalam sektor pertanian.
- ii. Anak-anak mereka yang bekerja di sektor dalam dan luar pertanian lebih ramai memasuki aliran Melayu.
- iii. Terdapat perbezaan ramai anak yang bersekolah aliran Melayu mengikut pendapatan di antara sektor dalam dan luar pertanian. Ternyata kebanyakan anak-anak mereka yang belajar dari aliran Melayu

dari kategori pendapatan kurang dari \$200/-
adalah anak mereka yang bekerja dalam
sektor pertanian dan anak mereka yang bekerja
di luar pertanian lebih ramai dalam kategori
pendapatan lebih dari \$200/-.

Ada dua sebab yang membawa kepada ramai dari anak-anak
mereka yang bekerja di dalam dan di luar sektor pertanian berada
di dalam aliran Melayu. Antara lainnya ialah:-

i. Dasar pelajaran di negara ini. Menurut Dasar
Pelajaran Kebangsaan Bahasa Melayu adalah
Bahasa pengantar bagi semua peringkat pengajian.
Dengan itu aliran Inggeris "diketepikan" dan
"Bahasa Melayu" menjadi suatu "Bahasa pengantar"
yang utama.

ii. Penekanan Bahasa Arab amat kurang sekali dalam
sistem pelajaran di negara ini dan kepentingan
bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar yang
utama amat menonjol. Biasanya bagi mereka
yang belajar di Sekolah Arab lebih banyak
belajar mengenai Bahasa Arab dan hal-hal yang
bersangkutan dengan Ugama Islam. Oleh itu
mereka sering dianggap oleh penduduk Air
Baloi hanya boleh menjadi guru ugama

atau pegawai agama, tambahan pula kepentingannya adalah terhad. Ini berbeza bagi mereka dari aliran Bahasa Malaysia dalam konteks negara sekarang di mana peluang pekerjaan adalah cerah, Biasanya bagi mereka yang menghantar anak mereka ke sekolah aliran Arab adalah kerana mereka mahu anak mereka mendalami soal-soal agama dan mahukan anak mereka menjadi seorang anak yang "Saleh". Oleh itu ramai anak mereka dimasukkan ke aliran Melayu (Bahasa Malaysia) dan kurang ke aliran Arab.

Notakaki

- ¹⁹ Sumber diperolehi dari penduduk golongan tua melalui interview
- ²⁰ Lihat Buku Tan Ding Eing, Sejarah Malaysia Dan Singapura, Fajar Bakti Sdn. Bhd., K.L. 1975, m.s. 221

BAB VI

PENUTUP

Melalui keterangan-keterangan yang dapat dilihat dari beberapa bab yang lalu ternyata bahawa sebahagian besar (97%) dari penduduk di Air Beloi memiliki tanah seluas 733 ekar. Terdapat 65% daripada mereka memiliki tanah lebih dari empat ekar. Kebanyakan tanah ini pula dimiliki oleh golongan tua dan amat kurang sekali dimiliki oleh golongan muda. Kebanyakan tanah itu pula didapati secara pusaka dan meneroka tanah-tanah kosong.

Dari segi kategori pemilik (bab III) ternyata lebih ramai dari kategori pemilik pengerja (53%) dan pemilik dan pemilik pengerja (39%) yang memiliki tanah. Kebanyakan tanah yang dimiliki oleh penduduk Air Beloi ini ditanam dengan pokok getah (73.91% seluas 541.75 ekar). Selebihnya (191.25 ekar atau 26.09%) ditanam dengan jenis-jenis tanaman yang lain seperti nenas dan kelapa sawit. Keadaan ini berlaku disebabkan jenis tanahnya tidak sesuai dengan tanaman kelapa sawit. Meskipun tanah gambut di sini sesuai untuk tanaman nenas tetapi ianya sukar untuk dilaksanakan kerana ianya mungkin mengancam pendapatan penduduk yang bergantung hidup dengan getah. Jika pokok getah ditebang dan digantikan dengan nenas sudah pasti hilang punca pendapatan harian mereka yang bergantung dengan hasil getah. Ianya mungkin sesuai dilaksanakan jika terdapat peluang pekerjaan yang lain sebelum nenas itu mengeluarkan buah. Jika

mereka memperoleh peluang-peluang pekerjaan lain, timbul pula masalah siapa yang hendak mengerjakan ladang nenas itu. Dari segi masa, ini lebih menyulitkan keadaan di mana pengerja ladang nenas terpaksa menunggu hasil nenas selepas lapan belas bulan ditanam.

Ditinjau dari aspek yang lain, meskipun penduduk di Air Baloi memiliki tanah lebih dari empat ekar ini tidak bermakna pemilikannya akan kekal untuk selama-lamanya. Tahun demi tahun hak milik tanah itu akan bertukar tangan dari satu jenerasi ke jenerasi yang lain. Ini sudah pasti berlakunya pemecahan pemilikan tanah dan setiap orang akhirnya akan memperoleh saiz tanah yang kecil. Perkara ini mungkin terjadi kerana penduduk di sini masih lagi mengamalkan sistem pemilikan tanah secara pusaka dan peluang untuk membeli tanah dari orang lain atau meneroka tanah-tanah kosong adalah tipis sekali. Sejak awal tahun 1920an lagi penduduk di Air Baloi meneroka tanah-tanah kosong sehinggalah ke akhir tahun 1960an. Sejak tahun 1970an penduduk di sini tidak dibenarkan oleh kerajaan meneroka sebarang tanah-tanah kosong kerana kerajaan ingin menjadikan saki baki tanah itu sebagai hutan simpanan dan sebagai "tanah simpanan" untuk melaksanakan projek pembangunan kerajaan. Misalnya tanah seluas 10 ekar telah "diterokai" oleh kerajaan sendiri untuk dijadikan sebagai tapak "ladang contoh" yang diselenggarakan oleh Jabatan Pertanian Air Baloi. "Ladang contoh" ini dibuat untuk memperkenalkan kepada penduduk jenis-jenis tanaman lain yang sesuai ditanam oleh penduduk di sini di atas tanah mereka sendiri. Kebanyakan mereka juga ditunjukkan kaedah-kaedah pertanian moden yang diharapkan dapat dipraktikkan di atas tanah mereka sendiri. Tenaga

buruh untuk "ladang contoh" ini adalah terdiri dari dua puluh orang penduduk kampung ini. Bagi mereka yang menyertai projek ini diberikan tanah seluas 0,5 ekar tanah untuk diusahakan. Semua benih dan alat pertanian diberikan oleh Jabatan Pertanian Air Baloi. Kebanyakan tanaman di sini adalah dari jenis sayur-sayuran seperti bawang, cili merah, sawi, kangkong dan petola. Semua hasil tanaman ini nanti diserahkan semua kepada pengusahanya (seluas 0,5 ekar itu).

Tujuan utama sistem ladang contoh ini adalah untuk melatih dan menggalakkan pesertanya menggunakan sistem teknologi moden dan menggalakkan mereka menanam sayur di tanah mereka sebagai pendapatan tambahan atau mengurangkan kos perbelanjaan harian. Pada dasarnya rancangan ini baik untuk faedah penduduk kampung tetapi faedahnya tidak dapat dinikmati oleh semua penduduk. Penyertaan adalah terhad dan kekal. Para peserta pula dipilih oleh Ketua Kampung berdasarkan minat seseorang itu terhadap pekerjaannya dan jarak rumah mereka dari ladang itu. Biasanya mereka dalam lingkungan setengah batu berada di ladang itu menyertai projek ini. Kadangkala terdapat unsur pilih kasih. Misalnya seorang penoreh getah pernah beberapa kali memohon menjadi peserta setelah salah seorang peserta keluar dari projek itu tetapi tidak berjaya. Ini adalah disebabkan beliau orang PAS sedangkan yang lainnya adalah orang UMNO. Ini boleh menunjukkan bahawa faktor politik juga mempengaruhi pemilihan peserta projek ini.

Tanah adalah merupakan faktor penting sebagai sumber pendapatan dan pekerjaan penduduk di luar bandar. Begitulah juga

halnya dengan masyarakat di Air Baloi. Peranan tanah sebagai sumber pekerjaan di Air Baloi amat menonjol sekali di mana terdapat 84% dari penduduknya bergantung kepada tanah. Dengan tanah yang dimiliki oleh mereka maka dapatlah mereka menanam getah, nenas dan kelapa sawit sebagai sumber pendapatan. Tidak ramai dari penduduk di sini yang bergantung hidup dengan makan gaji atau berniaga. Mereka yang terlibat dengan aktiviti luar pertaniat cuma 14% dan 2% tidak bekerja kerana telah terlalu uzur.

Misikpun mereka ini ramai yang memiliki tanah lebih dari empat ekar (65% dari penduduknya), namun begitu mereka tidak boleh dianggap memperoleh pendapatan yang tinggi atau lumayan. Dalam buku Negara Kita (1980: 154) menyatakan dalam tahun 1979 pendapatan perkapita bagi penduduk di Malaysia ialah \$282.00.²¹ Kebanyakan mereka masih lagi memperoleh pendapatan di bawah paras \$200/- (dua ratus ringgit) sebulan. Ada beberapa faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Antara lainya:-

- i. Tidak semua tanah mereka dapat diusahakan dengan serentak kerana kekurangan tenaga buruh, pokok getah tua dan getah ditanam semula. Misikpun mereka memiliki tanah yang luas (10 ekar ke atas) misalnya, namun begitu mereka gagal mengusahakan semua tanah mereka. Sistem ekonomi mereka tidak lagi bergantung kepada ahli keluarga. Kebanyakannya tanah itu dikerjakan oleh ketua keluarga sahaja. Bagi anak-anak mereka (golongan muda) lebih

suka bekerja di luar pertanian. Ini adalah disebabkan mereka mempunyai peluang pekerjaan di luar pertanian seperti menjadi kakitangan kerajaan (yang berkelulusan tinggi) atau menjadi buruh kontrak di Singapura. Menjadi buruh di Singapura sedikit-tidaknya memperoleh pendapatan diantara \$20/- hingga \$30/- sehari dan dapat membantu keluarga mereka (mengirim wang \$50/- - \$100/- sebulan). Oleh itu seseorang keluarga gagal mengusahakan tanah itu serentak dan dengan itu pendapatan mereka turut menurun. Pokok getah tua juga turut mengurangkan hasil pengeluaran getah mereka. Biasanya pokok getah yang sudah tua kurang menghasilkan susu getah. Selain daripada itu sebahagian dari pokok getah mereka telah ditebang dan ditanam semula. Oleh itu kurangnya bilangan pokok getah yang dapat ditoreh dan kesannya telah mengurangkan pendapatan mereka.

- ii. Harga pasaran yang tidak memuaskan. Kebanyakan hasil getah dijual melalui "orang tengah". Mereka yang bertindak sebagai orang tengah (75%) ini ialah orang Cina. Orang Cina ini biasanya juga merupakan tempat penduduk kampung ini meminjam wang. Bagi membalas budi peminjam ini mereka menjualkan getah mereka kepadanya. Hampir 50% dari penoreh getah di sini berbuat demikian. Biasanya harga getah

ditentukan oleh pembeli tanpa mengikut kadar harga pasaran yang ditentukan oleh kerajaan. Mereka sebenarnya menyedari hal tersebut tetapi mereka tidak dapat lari dari keadaan ini kerana telah terikat dengan pinjaman. Lagi pun mereka bimbang kalau-kalau mereka tidak dapat meminjam lagi dengan "taukeh" tersebut apabila mengalami sebarang kesulitan. Dengan itu mereka "terpaksa" tunduk dengan harga yang ditetapkan oleh "orang tengah" ini di mana biasanya lebih rendah dari kadar harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Jika harga ditetapkan oleh kerajaan \$100/- sepikul mereka cuma membeli dengan harga \$80/- sepikul. Penindasan orang tengah ini sebenarnya disedari oleh kerajaan dan RISDA sebagai agensi kerajaan telah bertindak sebagai pembeli untuk mengatasi masalah ini. Tetapi malangnya RISDA tidak boleh bertindak sebagai peminjam kepada penduduk di sini. Oleh itu usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan ini ternyata gagal kerana ditenggalan oleh peranan orang tengah. Usaha RISDA juga gagal disebabkan mereka mengenakan peraturan tertentu kepada penjual getah. Setiap penjual getah mestilah menjual getah koping yang sudah kering sahaja kepada RISDA dan RISDA hanya datang membeli ke kampung-kampung

dua minggu sekali. Biasanya RISDA menghendaki penjual menjual secara "berkelompok." Timbul beberapa kesan dari peraturan dan pelaksanaan yang dibuat oleh RISDA ini. Kesan utama yang dirasakan oleh mereka ialah mereka terpaksa menunggu dua minggu sekali barulah getah mereka dijual, sedangkan mereka perlukan perbelanjaan harian. Ini juga menimbulkan kesan yang tidak baik pula di mana mereka akhirnya meminjam semula kepada orang tengah. Orang tengah pula sanggup membeli "getah basah" dari penjualnya dan sanggup pula pergi membeli "getah basah" tersebut di kebun-kebun getah di kampung ini, manakala RISDA tidak sanggup berbuat demikian. Lantaran itu penundasan orang tengah terus wujud di samping kegagalan RISDA untuk mengatasinya.

- iii. Sistem pengangkutan dan jalan raya yang tidak memuaskan. Penduduk di sini kekurangan pengangkutan untuk membawa hasil mereka ke pusat pemasaran. Bagi setengah penduduk yang mengusahakan penanaman nenas tentulah keciwa dengan keadaan ini. Misalnya, apabila musim buah nenas itu masak maka ia terpaksa dipetik segera supaya dapat mengelakannya daripada busuk. Apa yang mendukacitakan mereka ialah, apabila nenas telah banyak dipetik dari pokoknya tiada pula lori yang hendak mengangkutnya keluar iaitu ke bandar

Pekan Nenas. Nenas yang sudah dipetik itu hanya tahan disimpan dalam masa dua atau tiga hari. Jika tiada kenderaan yang mengangkutnya maka busuklah nenas itu. Keengganan lori-lori untuk masuk ke kampung di Air Baloi adalah disebabkan oleh jalan tanah merah di sini "tidak tahan" untuk dilalui oleh kenderaan tersebut. Kondean tanahnya yang lembik dan berlubang-lubang memungkinkan kenderaan yang masuk itu terbalik. Jika ada pula lori yang mahu masuk terpaksa mereka membayar sewa (sebagai pembawa) yang agak tinggi. Oleh itu hasil pendapatan dari pengeluaran nenas tersebut adalah kurang memuaskan. Kadangkala ada juga pembeli nenas dari kilang-kilang nenas. Biasanya mereka membeli nenas dengan harga yang murah dengan alasan mereka datang dari jauh dan terpaksa menanggung kos pengangkutan. Biasanya mereka membeli nenas dengan harga dua puluh sen hingga tiga puluh sen sebiji sedangkan di tempat-tempat lain berharga lapan puluh sen hingga seringggit (harga di Johor Bharu) sebiji. Dengan ini dapatlah dikesan bahawa pendapatan mereka masih lagi ditahap lama (rendah) kerana infrastruktur yang kurang memuaskan dan eksploitasi orang tengah.

- iv. Kurangnya mempelbagaikan jenis-jenis tanaman di atas tanah mereka. Kebanyakan tanah mereka ditanam dengan

pokok getah. Apabila tiba musim gugur daun getah maka hasil susu pun menurun. Ini menyebabkan penoreh berhenti menoreh dan terpaksa menjalankan kerja-kerja lain seperti mengambil upah memetik nenas atau menjadi buruh sementara. Dengan kata lain, sewaktu daun getah gugur maka tanah mereka akan terbiar. Oleh itu mempelbagaikan jenis-jenis tanaman lain di atas tanah mereka adalah perlu. Keadaan ini pula sukar untuk dilakukan kerana tanah mereka kebanyakannya tidak sesuai untuk ditanam jenis-jenis tanaman lain. Menurut Jabatan Pertanian Air Baloi tanah-tanah yang dimiliki oleh penduduk Air Baloi kebanyakannya jenis tanah gambut. Ianya sesuai ditanam dengan nenas sahaja. Jabatan ini sering menggalakkan mereka menukarkan jenis tanaman getah kepada nenas. Galakan ini kurang mendapat sambutan kerana penduduk di sini bimbang akan kehilangan sebahagian daripada punca pendapatan mereka jika pokok getah ditebang. Tambahan pula proses penanaman hingga ke peringkat penghasilan buah adalah memakan masa yang panjang iaitu kira-kira setahun setengah (18 bulan). Dengan ini usaha mempelbagaikan

jenis-jenis tanaman seperti menanam getah dan nenas di atas sekeping tanah adalah gagal di sebabkan jenis tanah yang tidak sesuai.

- v. Kurang menggunakan teknologi moden. Kebanyakan pokok-pokok getah tua tidak dapat menghasilkan susu getah dengan baik dan kulitnya sering di makan ulat. Penduduk di sini kurang menggunakan baja susu atau meracun ulat-ulat yang sering mengganggu kesuburan pokok getah. Hal ini tidak dapat dilakukan oleh mereka kerana kurang mampu untuk membeli bahan-bahan kimia tersebut di samping sikap mereka yang "tidak ambil tahu" tentang kesuburan pokok getah mereka. Setengah dari mereka mengamalkan pembajaan pokok getah tua dan meracun kulit getah yang dimakan ulat kerana mendapat bantuan ataupun subsidi dari RISDA. Pemberian secara percuma ini hanya diterima oleh mereka yang mengamalkan sistem Tanaman Semula di bawah pengawasan RISDA. Bagi mereka yang semata-mata bergantung kepada hasil getah tentulah sukar untuk menebang pokok getah tua dengan tujuan "menanam semula" kerana bimbang akan kehilangan sumber pendapatan. Oleh itu mereka membiarkan keadaan-keadaan tersebut ujud yang sudah pasti menyebabkan

kadar pendapatannya tidak bertambah.

Oleh kerana rendahnya pendapatan yang diperolehi oleh penduduk yang menjalankan aktiviti ekonomi dalam pertanian telah menyebabkan ada setengah-setengah penduduk yang keluar dari kampung memuju ke bandar untuk maneroka ke bidang ekonomi luar pertanian. Penghijrahan²² mereka ini mengakibatkan kekurangan tenaga buruh untuk mengusahakan tanah di kampung. Keadaan ini amat dirasai oleh sesebuah keluarga yang memiliki banyak tanah tetapi kehilangan anak muda yang lebih bertenaga dan gagah untuk mengusahakan sebahagian daripada tanah mereka. Penghijrahan anak-anak muda ke bandar-bandar bukanlah semata-mata disebabkan keadaan sempit yang telah wujud di kampung mereka tetapi ada juga faktor-faktor lain, yang mempengaruhi mereka. Antara lainnya ialah:

1. Ujudnya peluang-peluang pekerjaan di tempat-tempat lain dari kampung ini yang memerlukan tenaga dan kemahiran. Tidak kurang juga yang memerlukan pelajaran yang tinggi. Faktor gaji dan jenis pekerjaan juga telah menarik mereka untuk bekerja luar dari pertanian. Ini memberikan mereka peluang untuk membina penghidupan baru yang tidak sama dengan apa yang dibuat oleh ibubapa atau nenek moyang mereka.

ii. **Segala hiburan dapat diperolehi di bandar-bandar. Segala hiburan yang boleh dimiliki di bandar ini telah mengubah golongan ini** untuk bekerja makan gaji untuk mencari **kesenangan dan hiburan yang di pasarkan itu.** Segalanya ini perlukan wang yang banyak dan **boleh diperolehi dengan membuat kerja-kerja** yang bukan bercorak pertanian, tetapi berasaskan kepada kemahiran dan kepandaian.

iii. **Sikap anak-anak muda terhadap pertanian. Sikap** terhadap pengerjaan tanah memainkan peranan yang penting **sewajarnya seseorang itu mahu atau tidak** untuk mengerjakannya. Penerimaan anak-anak muda **terhadap pengerjaan tanah amat dingin sekali.** Keengganan mereka adalah kerana sikap mereka yang menganggap kerja-kerja di dalam pertanian adalah "kotor". Tambahan pula pendapatannya **tidak lumayan dan tidak tetap pula. Bagi mereka** meskipun taraf pekerjaan mereka itu rendah tetapi mereka mahu pendapatannya adalah tetap. Hasrat ini akan tercapai jika mereka keluar dari kampung mereka dan boleh diperolehi di bandar atau di tempat-tempat lain.

Ketiadaan atau kekurangan tenaga buruh dalam keluarga untuk

mengusahakan tanah disebabkan anak-anak muda keluar dari kampung telah menggalakkan ibubapa meminta tolong dari anak-anak yang masih bersekolah dan tinggal di kampung. Oleh itu anak-anak mereka terpaksa ponteng sekolah atau meninggalkan bangku sekolah. Dengan kelahiran cara ini, maka tidak hairanlah jika kita dapati ada sebahagian dari anak mereka yang sepatutnya bersekolah di tingkatan satu, dua dan tiga tetapi sudah berhenti sekolah. Malahan ada yang belajar setakat darjah enam sahaja.

Berdasarkan kepada semua keterangan serta perbincangan di atas tadi kita dapati bahawa masih ujud lagi masalah pengerjaan tanah di dalam masyarakat luarbandar. Di samping itu bagi mereka yang memiliki tanah dan bergantung hidup ke atas corak pertanian yang ada pada mereka masih lagi berpendapatan rendah dan tergolong ke dalam golongan orang yang miskin. Terdapat juga golongan muda yang lebih suka bekerja di luar sektor pertanian dan mereka telah mengalami perubahan ekonomi tradisional kepada "transition". Meskipun penduduk luarbandar Air Baloi masih lagi di taraf miskin namun begitu mereka masih lagi boleh hidup sederhana dengan memiliki sebiji rumah untuk berteduh dan memiliki sebuah motosikal atau basikal sebagai kenderaan ataupun sebagai "kaldai" untuk mengangkut hasil pengeluaran mereka dari kebun.

Namun begitu, untuk memberikan kesejahteraan yang lebih baik di kalangan penduduk di Air Baloi beberapa langkah harus diambil oleh pihak-pihak tertentu. Ini termasuklah mengawal harga pasaran getah dan nenas, hapuskan penindasan orang tengah

usahakan untuk mempelbagaikan jenis-jenis tanaman yang sesuai dan dalam jangka masa yang pendek, baiki lagi infrastruktur sosial di kampung ini, dan dirikan kilang-kilang getah atau nenas berhampiran dengan kampung ini. Pendirian kilang-kilang getah dan nenas di kawasan luarbandar bukan saja dapat memberi peluang pekerjaan dan meninggikan taraf hidup masyarakat luarbandar, malahan akan memperbaiki lagi sistem pemasaran hasil-hasil getah dan nenas di Mukim Air Baloi. Di samping itu penduduk Air Baloi mestilah mengikis nilai-nilai dan sikap yang negatif yang boleh menghalang kepada proses kemajuan atau pembangunan. Bagi mengurangkan kesempitan hidup tanamlah sayur-sayuran dan terneklah binatang ternakan untuk mengurangkan ketinggian kadar perbelanjaan harian dan mengelakkan tekanan inflasi.

Akhir sekali bolehlah dikatakan bahawa masalah pengerjaan tanah dan ujudnya kemiskinan masyarakat luarbandar di Air Baloi akan terhapus apabila berlakunya perubahan struktur ekonomi dan sosial yang ujud di Air Baloi sekarang ini dan lahirnya "kerjasama erat" di antara penduduk di sini dengan "pihak yang berkuasa".

BIBLIOGRAPHY

1. Abdul Razak Abdullah, Penghulu-Penghulu Mukim Air Baloi, Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda, Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1966.
2. Abdul Samad Mahmud, Pembangunan Komuniti Di Rancangan Kemajuan Tanah Batu Mengkebang, Kuala Keral Kelantan, Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970.
3. Ungku A. Aziz, "Land Disintegration and Land Policy in Malaya" dalam "Malayan Economic Review", Vol. III, No. I, April 1958.
4. _____, "Poverty and Rural Development in Malaysia" dalam Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. I, No. I, Jun 1964.
5. Kamarudin Mohd Said, Struktur Pemilikan Tanah Dan Kemiskinan Masyarakat Tani Di Kelantan, Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.
6. Firth, R., Malay Fisherman; Their Peasant Economy, Kegan Paul, London, 1946.
7. S. Husin Ali, "Land Concentration and Poverty Among Rural Malays" dalam Nusantara, Kuala Lumpur, 1972.
8. _____, Social Stratification in Kampung Bagan, Monograph of the Malayan Branch Royal Asiatic Society, Malaysia Printers Limited, 1964.
9. _____, Apaerti Pembangunan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1979.
10. _____, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1977.

11. Hussein Mohamed, Struktur Dan Organisasi Sosio-Ekonomi Kawasan Majlis Tempatan To' Uban, Pasir Mas, Kelantan, Latihan Ilmiah Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971.
12. Illias Hassan, Kampung Tualang Salak, Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1969.
13. Mazidah Zakaria, Susunan Ekonomi dan Sosial Melayu Changkat Larang, Thesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1965.
14. (), Mid-Term Review of The Third Malaysia Plan, The Government Press, 1979.
15. (), Negara Kita, Sejarah, Pentadbiran Dan Dasar-Dasar Pembangunan, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1980.
16. Swift, M.G., Malay Peasant Society In Jelebu, London School of Economics Monograph on Social Anthropologi, Athlone Press, New York, 1965.
17. _____, "Economic Concentration and Malay Peasant Society" dalam M. Freedman, (ed.) Social Organisation, London, 1967.
18. _____, "Capital, Saving and Credit in Malay Peasant Economy" (ed) dalam Raymond Firth dan Yansy, B.S., Capital, Saving and Credit in Malay Peasant Societies, Aldine Publishing Company, Chicago, 1969.
19. Selvadurai, S., Socio Economic Study of the Padi Farmers in Kemubu Area of Kelantan, Ministry of Agriculture and Cooperatives, Kuala Lumpur, 1962.
20. Wan Yahya Mohd. Saleh, Femilikan Tanah dan Masalah Pekerjaan di Mukim Wakaf Stan, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.